KERAJAAN MALAYSIA

Surat Setuju Terima, Pesanan Kerajaan Dan Inden Kerajaan Bagi Perolehan Kerajaan

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 4.2 SURAT SETUJU TERIMA (SST), PESANAN KERAJAAN DAN INDEN KERAJAAN BAGI PEROLEHAN KERAJAAN
SENARAI LAMPIRAN i
1. Latar Belakang 1
2. Definisi 1
3. Elemen Yang Terlibat Dalam Pewujudan Sesuatu Ikatan Kontrak 1
4. Had Nilai Perolehan Bagi Mengguna Pakai SST 5
5. Kuasa Menandatangani SST 7
6. Bayaran Kepada Syarikat Selepas SST Dikeluarkan Tetapi Sebelum Dokumen Kontrak Ditandatangani 8
7. Bayaran Kepada Syarikat Yang Telah Luput Pendaftarannya Dengan Kerajaan 9
8. SST Tanpa Dokumen Kontrak 11
9. Penerangan Ringkas Mengenai Pengisian Format Piawai SST 11
9.4. Perenggan 1 Dalam Kandungan Utama SST: 12
9.5. Perenggan 2 Dalam Kandungan Utama SST: 13
9.6. Perenggan 3 Dalam Kandungan Utama SST Bagi Perolehan Yang Dikenakan Cukai Dan Syarikat Belum Berdaftar Dengan JKDM (Harga Kontrak Tanpa Kenaan Cukai Jualan/Perkhidmatan) 14
9.7. Perenggan 3 Dalam Kandungan Utama SST Bagi Perolehan Yang Dikenakan Cukai Dan Syarikat Berdaftar Dengan JKDM (Harga Kontrak Dengan Kenaan Cukai Jualan/Perkhidmatan) 15
9.8. Perenggan 3 Dalam Kandungan Utama SST (Harga Kontrak Tanpa Kenaan Cukai Jualan) Disebabkan Telah Diberi Pengecualian Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 201815
9.9. Perenggan 4 Dalam Kandungan Utama SST: 16
9.10. Perenggan 5 Dalam Kandungan Utama SST: 17
9.11. Perenggan 6 Dalam Kandungan Utama SST: 22
9.12. Perenggan 7 Dalam Kandungan Utama SST: 23
9.13. Perenggan 8 Dalam Kandungan Utama SST: 24
9.14. Perenggan 9 Dalam Kandungan Utama SST: 24
9.15. Perenggan 10 Dalam Kandungan Utama SST: 24
9.16. Perenggan 11 Dalam Kandungan Utama SST: 25
9.17. Perenggan 12 Dalam Kandungan Utama SST: 25
9.18. Pengakuan Penerimaan SST Dan Lampiran Yang Berkaitan Oleh Syarikat: 26
9.19. Butiran Kontrak Di Lampiran A Dalam SST : 27
9.19.1. Pendaftaran Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan) 27
9.19.2. Pendaftaran Dengan Kementerian Kewangan (jika berkaitan) 27
9.19.3. Pendaftaran Dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) 28
9.19.4. Pendaftaran Cukai Jualan/Perkhidmatan Dengan JKDM 28
9.19.5. Harga Dan Tempoh Kontrak 28
9.19.6. Tempoh dan Jadual Pembekalan Barang/ Penyempurnaan Perkhidmatan 29
9.19.7. Spesifikasi/Skop Perkhidmatan/ *Service Level Agreement* (SLA) (sekiranya berkaitan) 29
9.19.8. Bon Pelaksanaan 29
9.19.9. Polisi Insurans 36

9.19.10. Kenaan Denda/ Tolakan/ *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD).....36

9.19.11. *Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) (jika berkaitan)....36

10. Tandatangan Ringkas Di Setiap Muka Surat SST Dan Muka Surat Butiran Kontrak.....37

11. Pembatalan Surat Setuju Terima 37

12. Tarikh Kuat kuasa.....37

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Format SST Dengan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Bekalan

Lampiran 2 : Format SST Dengan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Bekalan Yang Diberi Pengecualian Cukai Jualan Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018

Lampiran 3 : Format SST Dengan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Bekalan Daripada Syarikat Yang Berdaftar Dengan JKDM Dan Barangan Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Jualan 2018

Lampiran 4 : Format SST Dengan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Bekalan Daripada Syarikat Yang Tidak Berdaftar Dengan JKDM Dan Barangan Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Jualan 2018

Lampiran 5 : Format SST Dengan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Perkhidmatan

Lampiran 6 : Format SST Dengan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Perkhidmatan Daripada Syarikat Yang Berdaftar Dengan JKDM Dan Perkhidmatan Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018

Lampiran 7 : Format SST Dengan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Perkhidmatan Daripada Syarikat Yang Tidak Berdaftar Dengan JKDM Dan Perkhidmatan Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018

Lampiran 8 : Format SST Dengan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Kerja Pembinaan

Lampiran 9 : Format SST Dengan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Kerja Lain Dengan Syarikat Yang Berdaftar Dengan JKDM Dan Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018

Lampiran 10 : Format SST Dengan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Kerja Lain Dengan Syarikat Yang Tidak Berdaftar Dengan JKDM Dan Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018

Lampiran 11 : Surat Niat

Lampiran 12 : Pesanan Kerajaan

Lampiran 13 : Format SST Tanpa Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Bekalan

Lampiran 14 : Format SST Tanpa Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Bekalan Yang Diberi Pengecualian Cukai Jualan Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018

Lampiran 15 : Format SST Tanpa Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Bekalan Daripada Syarikat Yang Berdaftar Dengan JKDM Dan Barangan Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Jualan 2018

Lampiran 16 : Format SST Tanpa Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Bekalan Daripada Syarikat Yang Tidak Berdaftar Dengan JKDM Dan Barangan Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Jualan 2018

Lampiran 17 : Format SST Tanpa Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Perkhidmatan

Lampiran 18 : Format SST Tanpa Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Perkhidmatan Dengan Syarikat Yang Berdaftar Dengan JKDM Dan Perkhidmatan Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018

Lampiran 19 : Format SST Tanpa Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Perkhidmatan Dengan Syarikat Yang Tidak Berdaftar Dengan JKDM Dan Perkhidmatan Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018

Lampiran 20 : Inden Kerajaan

Lampiran 21 : Contoh Prosedur Penamatan

Lampiran 22 : Contoh Jadual Pembekalan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Beruniform Tanpa Senjata Api

Lampiran 23 : Contoh Skop Perkhidmatan Kawalan Keselamatan

Lampiran 24 : Borang Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans/ Jaminan Bank Islam/ Jaminan Takaful Untuk Bon Pelaksanaan (Kontrak Bekalan/Perkhidmatan)

Lampiran 25 : Surat Pelepasan Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans/ Jaminan Bank Islam/ Jaminan Takaful

Lampiran 26 : Borang Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans/ Jaminan Bank Islam/ Jaminan Takaful Untuk Bon Pelaksanaan (Kontrak Kerja Yang Bernilai Sehingga RM10 juta)

Lampiran 27 : Borang Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans/ Jaminan Bank Islam/ Jaminan Takaful Untuk Bon Pelaksanaan (Kontrak Kerja Yang Bernilai Melebihi RM10 juta)

Lampiran 28 : Borang Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans/ Jaminan Bank Islam/ Jaminan Takaful Untuk Bon Pelaksanaan (Sub Kontraktor Dinamakan)

Lampiran 29 : Format Pengesahan Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans/ Jaminan Bank Islam/ Jaminan Takaful Untuk Bon Pelaksanaan (Daripada Agensi Kerajaan)

Lampiran 30 : Format Pengesahan Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans/ Jaminan Bank Islam/ Jaminan Takaful Untuk Bon Pelaksanaan (Daripada Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans)

Lampiran 31 : Notis Pembatalan SST

PK 4.2 SURAT SETUJU TERIMA (SST), PESANAN KERAJAAN DAN INDEN KERAJAAN BAGI PEROLEHAN KERAJAAN

1. Latar Belakang

1.1. Kementerian Kewangan mendapati terdapat keperluan untuk menyemak semula pemakaian Surat Setuju Terima (SST) berikutan wujudnya pelanggaran yang serius dalam pentadbiran kontrak yang memberi implikasi perundangan kepada Kerajaan. Justeru, bagi memantapkan urus tadbir perolehan Kerajaan terutama yang berkaitan pentadbiran kontrak, Kementerian Kewangan dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara telah mengambil inisiatif menambahbaik kandungan dan kaedah pemakaian SST bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara.

2. Definisi

2.1. **Surat Setuju Terima (SST)**
SST adalah suatu surat rasmi yang memaklumkan penerimaan tanpa bersyarat daripada Kerajaan ke atas tawaran yang dikemukakan oleh syarikat.

2.2. **Pesanan Kerajaan**
Pesanan Kerajaan adalah satu dokumen kewangan yang dikeluarkan oleh Agensi Kerajaan kepada syarikat untuk memesan bekalan atau perkhidmatan.

2.3. **Inden Kerajaan**
Inden Kerajaan adalah satu dokumen kewangan yang dikeluarkan oleh Agensi Kerajaan kepada kontraktor untuk melaksanakan perolehan kerja. Semua Agensi hendaklah menggunakan Inden Kerajaan untuk perolehan kerja dan tidak dibenarkan menggunakan Pesanan Kerajaan.

3. Elemen Yang Terlibat Dalam Pewujudan Sesuatu Ikatan Kontrak

3.1 Satu ikatan kontrak akan terbentuk apabila kesemua elemen berikut dipenuhi:

3.1.1. **Tawaran (*Offer*);**

(a) Berdasarkan Seksyen 2(a) Akta Kontrak 1950, tawaran berlaku apabila seseorang menyatakan kesediaannya kepada seorang yang lain untuk melakukan sesuatu, dengan maksud memperolehi persetujuan orang itu untuk berbuat sesuatu.

(b) Pengiklanan atau dokumen pelawaan daripada Kerajaan adalah bukan merupakan suatu tawaran tetapi lebih merupakan suatu pelawaan tawaran (*invitation to treat*). Manakala cadangan teknikal dan kos yang dikemukakan oleh syarikat kepada Kerajaan merupakan suatu tawaran.

3.1.2. **Penerimaan (*Acceptance*);**

(a) Berdasarkan Seksyen 2(b) Akta Kontrak 1950, penerimaan berlaku apabila orang kepada siapa tawaran itu dibuat, menyatakan persetujuan ke atas tawaran berkenaan. Sesuatu tawaran bila diterima membentuk janji.

(b) Berdasarkan Seksyen 7(a) Akta Kontrak 1950, penerimaan perlu mutlak dan tidak bersyarat. Mutlak bermaksud tiada sebarang perubahan pada tawaran asal. Segala terma yang dinyatakan dalam tawaran diterima secara keseluruhannya, manakala tidak bersyarat bermaksud penerimaan itu tiada sebarang penambahan syarat daripada tawaran asal.

(c) Tawaran dan penerimaan hendaklah disampaikan (*must be properly communicated*) untuk menjadikan sesuatu ikatan kontrak itu sah dan berkuat kuasa. Komunikasi tersebut boleh berlaku dalam bentuk tulisan, lisan, elektronik dan perbuatan. Walau bagaimanapun, sekiranya telah dinyatakan dengan jelas kaedah spesifik komunikasi yang diperlukan, maka ianya hendaklah dipatuhi.

3.1.3. **Balasan (*Consideration*);**

(a) Berdasarkan Seksyen 2(d) Akta Kontrak 1950, balasan adalah sesuatu yang mempunyai nilai di sisi undang-undang dan menjadi asas kepada persetujuan yang dicapai.

3.1.4. **Niat (*Intention*);**

(a) Perjanjian antara dua pihak tidak semestinya menjadi satu kontrak yang sah sehingga mempunyai bukti yang menunjukkan bahawa wujud niat untuk mengadakan hubungan yang mengikat di sisi undang-undang antara kedua belah pihak yang berkontrak.

3.1.5. **Ketentuan (*Clarity*);**

(a) Ketentuan perlu wujud di dalam sesuatu kontrak untuk menjadikan ianya sah. Ketentuan bermaksud kontrak yang dimeterai perlu mengandungi peruntukan yang nyata dan tidak samar. Seksyen 30 Akta Kontrak 1950 menyatakan perjanjian yang maknanya tidak tentu atau tidak boleh ditentukan adalah batal. Ketidaktentuan dalam sesuatu kontrak boleh berlaku dalam keadaan berikut:

(i) Bahasa yang digunakan kabur dan samar; dan

(ii) Kegagalan untuk mencapai persetujuan terhadap perkara pokok atau syarat utama perjanjian.

dan

3.1.6. **Keupayaan (*Capacity*);**

(a) Undang-undang mewajibkan pihak yang berkontrak hendaklah berupaya untuk memasuki kontrak. Menurut Seksyen 11 Akta Kontrak 1950, seseorang yang layak membuat kontrak hendaklah :

(i) **seorang yang dewasa**
Berdasarkan Seksyen 2 Akta Umur Dewasa 1971 [Akta 21], seseorang dianggap dewasa apabila mencapai umur 18 tahun;

(ii) **berakal sempurna**
Seseorang yang ingin memasuki kontrak hendaklah memahami isi kandungan kontrak, tanggungjawab dan hak-hak di dalam kontrak;

dan

(iii) **tidak hilang kelayakan untuk berkontrak**
Seseorang dikatakan hilang kelayakan membuat kontrak jika ia dilarang oleh mana-mana undang-undang yang berkaitan, sebagai contoh orang yang diisytihar muflis.

3.2 SST hendaklah dikeluarkan kepada syarikat yang berjaya secepat mungkin sebaik sahaja keputusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) iaitu terdiri daripada Kementerian Kewangan/ Lembaga Perolehan/ Jawatankuasa Sebut Harga/ Pegawai Pengawal diperolehi dan dalam tempoh sah laku tender/sebut harga. Format Piawai SST adalah seperti di bawah:

Lampiran	Format SST Dengan Dokumen Kontrak
Lampiran 1 (Bekalan)	SST Dengan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Bekalan
Lampiran 2 (Bekalan)	SST Dengan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Bekalan Yang Diberi Pengecualian Cukai Jualan Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018
Lampiran 3 (Bekalan)	SST Dengan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Bekalan Daripada Syarikat Yang Berdaftar Dengan JKDM Dan Barangan Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Jualan 2018
Lampiran 4 (Bekalan)	SST Dengan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Bekalan Daripada Syarikat Yang Tidak Berdaftar Dengan JKDM Dan Barangan Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Jualan 2018
Lampiran 5 (Perkhidmatan)	SST Dengan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Perkhidmatan

Lampiran	Format SST Dengan Dokumen Kontrak
Lampiran 6 (Perkhidmatan)	SST Dengan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Perkhidmatan Daripada Syarikat Yang Berdaftar Dengan JKDM Dan Perkhidmatan Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018
Lampiran 7 (Perkhidmatan)	SST Dengan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Perkhidmatan Daripada Syarikat Yang Tidak Berdaftar Dengan JKDM Dan Perkhidmatan Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018
Lampiran 8 (Kerja)	SST Dengan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Kerja Pembinaan
Lampiran 9 (Kerja)	SST Dengan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Kerja Lain Dengan Syarikat Yang Berdaftar Dengan JKDM Dan Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018
Lampiran 10 (Kerja)	SST Dengan Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Kerja Lain Dengan Syarikat Yang Tidak Berdaftar Dengan JKDM Dan Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018

3.3 Sekiranya Kerajaan berhasrat untuk menerima tawaran sesebuah syarikat tetapi masih memerlukan rundingan lanjut atau pengubahsuaian ke atas tawaran asal syarikat, Surat Niat hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu. Dengan pengeluaran Surat Niat ini, ikatan kontrak masih belum terwujud. Agensi adalah dilarang untuk mengarahkan syarikat melaksanakan apa-apa bekalan/perkhidmatan/kerja awalan melalui Surat Niat bagi mengelakkan Kerajaan terpaksa membuat bayaran *quantum meruit* berdasarkan prinsip pemulihan ganti rugi. Sekiranya perkara ini didapati berlaku, pegawai yang terlibat boleh dikenakan tindakan surcaj/tatatertib dan pembayaran hendaklah dilaksanakan melalui AP 59. Format Surat Niat adalah seperti di **Lampiran 11**.

3.4 Dengan pengeluaran SST tanpa bersyarat dan persetujuan oleh syarikat, suatu ikatan kontrak telah terwujud antara Kerajaan dengan syarikat yang ditawarkan.

3.5 Walau bagaimanapun, bagi memastikan penerimaan Kerajaan tersebut disempurnakan (*must be properly communicated*) kepada syarikat yang berjaya, melalui SST ini, syarikat hendaklah membuat pengakuan penerimaan ke atas SST dan lampiran-lampirannya.

3.6 Dalam keadaan dokumen kontrak yang telah sempurna dan siap untuk ditandatangan, kontraktor boleh diminta untuk hadir ke pejabat bersama saksinya secara bertulis untuk terus menandatangani kontrak. Dalam hal ini, SST tidak perlu dikeluarkan.

3.7 Syarikat hendaklah mengembalikan kepada Kerajaan salinan asal dan kedua berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat berserta cop rasmi dan saksi syarikat dalam tempoh yang ditetapkan dari tarikh SST tersebut, untuk rekod dan tindakan Kerajaan selanjutnya. Sekiranya syarikat tidak mengemukakan maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan dan setelah Agensi memberi peringatan kepada syarikat tetapi masih gagal untuk mengemukakan maklum balas, SST tersebut boleh terbatal dengan sendirinya.

3.8 Agensi juga hendaklah memastikan sebelum SST ditandatangani oleh syarikat yang dilantik, beberapa perkara hendaklah dipatuhi dan sekiranya didapati terdapat kecuaian di pihak pegawai awam ke atas perkara tersebut, tindakan tatatertib akan dikenakan. Perkara yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

3.8.1. Syarikat yang ingin dilantik adalah bebas daripada sebarang tindakan undang-undang seperti muflis, jenayah dan tatatertib daripada mana-mana badan kawal selia seperti Unit Pendaftaran Syarikat di Kementerian Kewangan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dengan mengemukakan satu Surat Akuan Sumpah berhubung perkara ini; dan

3.8.2. Peruntukan bagi perolehan tersebut adalah mencukupi sebelum SST dikeluarkan kepada syarikat yang dilantik dan tidak melebihi siling peruntukan yang ditetapkan.

4. Had Nilai Perolehan Bagi Mengguna Pakai SST

4.1. Agensi hendaklah memastikan penyediaan SST dan dokumen kontrak termasuk penggunaan Pesanan Kerajaan adalah mematuhi peraturan seperti di Jadual 1 berikut:

Jadual 1

	Perolehan Bukan Bermasa			Perolehan Bermasa
Jenis Perolehan	**≤ RM20k**	**> RM20k hingga RM500k**	**> RM500k**	**Semua nilai**
Bekalan & Perkhidmatan	(a) Pesanan Kerajaan seperti di **Lampiran 12**.	(a) SST tanpa dokumen kontrak. (b) Syarat penting yang tidak dinyatakan dalam format piawai SST hendaklah dimasukkan dengan jelas ke dalam Dokumen Sebut Harga (Borang Q). (c) SST hendaklah berdasarkan format piawai seperti di perenggan 8.1. (d) Namun begitu, bagi perolehan yang rumit, Agensi boleh menyediakan dokumen kontrak terperinci demi menjaga kepentingan Kerajaan.	(a) SST dan disusuli dengan dokumen kontrak yang telah lengkap dalam tempoh 4 bulan selepas SST ditandatangan balas oleh syarikat. (b) SST hendaklah berdasarkan format piawai seperti di perenggan 3.2. (c) SST berserta lampiran-lampirannya hendaklah dijadikan sebahagian daripada dokumen kontrak tersebut.	(a) SST dan disusuli dengan dokumen kontrak yang telah lengkap dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangan balas oleh syarikat. (b) SST hendaklah berdasarkan format piawai seperti di perenggan 3.2. (c) SST berserta lampiran-lampirannya hendaklah dijadikan sebahagian daripada dokumen kontrak tersebut.

	Perolehan Bukan Bermasa			Perolehan Bermasa
Jenis Perolehan	**≤ RM20k**	**> RM20k hingga RM500k**	**> RM500k**	**Semua nilai**
Kerja	(a) Inden Kerajaan berdasarkan format seperti di **Lampiran 20.**		(a) SST dan disusuli dengan dokumen kontrak yang telah lengkap dalam tempoh 4 bulan selepas SST ditandatangan balas oleh syarikat. (b) Agensi hendaklah menggunapakai format baharu SST Kerja seperti di perenggan 3.2. (c) SST berserta lampiran-lampirannya hendaklah dijadikan sebahagian daripada dokumen kontrak tersebut.	(a) SST dan disusuli dengan dokumen kontrak yang telah lengkap dalam tempoh 4 bulan selepas SST ditandatangan balas oleh syarikat. (b) Agensi hendaklah menggunapakai format baharu SST Kerja seperti di perenggan 3.2. (c) SST berserta lampiran-lampirannya hendaklah dijadikan sebahagian daripada dokumen kontrak tersebut.

4.2. Berdasarkan Jadual 1 di atas, **perolehan bukan bermasa** adalah bermaksud:

4.2.1. Perolehan yang mana pembayaran kepada syarikat adalah dibuat sekali sahaja iaitu setelah obligasi kontrak selesai (*one-off payment*); atau

4.2.2. Perolehan yang mana tempoh kontrak adalah sehingga 4 bulan.

4.3. **Bagi perolehan bekalan atau perkhidmatan bukan bermasa yang bernilai sehingga RM20,000**, Agensi hendaklah menggunakan Pesanan Kerajaan berdasarkan format dan tatacara seperti di **Lampiran 12.**

4.4. **Bagi perolehan bekalan atau perkhidmatan bukan bermasa yang bernilai melebihi RM20,000 sehingga RM500,000**, Agensi hendaklah mengeluarkan SST tanpa dokumen kontrak. Namun begitu, syarat penting yang tidak dinyatakan dalam format piawai SST hendaklah dimasukkan dengan jelas ke dalam Dokumen Sebut Harga (Borang Q).

4.5. **Bagi perolehan bekalan atau perkhidmatan bukan bermasa yang bernilai melebihi RM500,000**, Agensi hendaklah mengeluarkan SST dan disusuli dengan dokumen kontrak komprehensif dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangan balas oleh syarikat. Walau bagaimanapun, sekiranya pembayaran dibuat secara *one-off* atau tempoh kontrak sehingga 4 bulan, Agensi adalah dibenarkan untuk mengeluarkan SST tanpa dokumen kontrak tertakluk telah mendapat persetujuan daripada Pegawai Pengawal. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan yang dibuat.

4.6. **Bagi perolehan kerja yang bernilai sehingga RM500,000**, Agensi hendaklah menggunakan Inden Kerajaan berdasarkan format dan tatacara seperti di **Lampiran 20.**

4.7. **Bagi perolehan kerja bukan bermasa yang bernilai melebihi RM500,000**, Agensi hendaklah mengeluarkan SST dan disusuli dengan dokumen kontrak komprehensif dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangan balas oleh syarikat. Walau bagaimanapun, sekiranya pembayaran dibuat secara *one-off* dan tempoh kontrak tidak melebihi 4 bulan, Agensi adalah dibenarkan untuk mengeluarkan SST tanpa dokumen kontrak tertakluk telah mendapat persetujuan daripada Pegawai Pengawal. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan yang dibuat.

4.8. **Bagi semua perolehan bermasa sama ada bekalan, perkhidmatan atau kerja tidak kira nilainya**, hendaklah dikeluarkan SST dan disusuli dengan dokumen kontrak komprehensif dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangan balas oleh syarikat. Perolehan bermasa adalah perolehan yang mana tempoh kontrak adalah melebihi 4 bulan.

5. Kuasa Menandatangani SST

5.1. Semua kontrak Kerajaan adalah tertakluk kepada Akta Kontrak Kerajaan 1949.

5.2. Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 memperuntukkan seperti berikut:

Kontrak bagi pihak Kerajaan

"Semua kontrak yang dibuat di Malaysia bagi pihak Kerajaan hendaklah, jika diturunkan secara bertulis, dibuat atas nama Kerajaan Malaysia dan akan ditandatangan oleh Menteri atau oleh mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh Menteri, sama ada khususnya dalam mana-mana hal tertentu atau amnya bagi semua kontrak di bawah suatu nilai yang tertentu dalam jabatannya atau selainnya sebagaimana dinyatakan dalam pemberian kuasa itu."

Kontrak bagi pihak Kerajaan Negeri

"Semua kontrak yang dibuat di Malaysia bagi pihak Kerajaan Negeri hendaklah, jika diturunkan secara bertulis, dibuat atas nama Kerajaan Negeri dan akan ditandatangan oleh Ketua Menteri atau Menteri Besar itu, atau oleh mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh Ketua Menteri atau Menteri Besar, sama ada khususnya dalam mana-mana hal tertentu, atau amnya bagi semua kontrak di bawah suatu nilai yang tertentu dalam jabatannya atau selainnya sebagaimana dinyatakan dalam pemberian kuasa itu."

5.3. Menteri boleh mewakilkan secara bertulis kepada mana-mana pegawai awam untuk menandatangani kontrak bagi pihak Kerajaan berdasarkan had nilai yang ditetapkan dalam AP200.1. Bagi projek Kerajaan Negeri, hanya Ketua Menteri atau Menteri Besar boleh mewakilkan secara bertulis.

5.4. Agensi hendaklah memastikan bahawa hanya pegawai awam yang telah diturunkan kuasa secara bertulis di bawah Seksyen 2, Akta Kontrak Kerajaan 1949 menandatangani kontrak bagi pihak kerajaan.

5.5. Pegawai yang tidak diberi penurunan kuasa untuk menandatangani kontrak atau pegawai yang menandatangani kontrak melebihi had nilai penurunan kuasa oleh Menteri boleh dikenakan tindakan tatatertib.

5.6. Bagi pihak syarikat pula, Agensi hendaklah memastikan hanya penama dalam sijil pendaftaran Kementerian Kewangan, CIDB, PUKONSA dan UPKJ sahaja menandatangani Surat Akuan Penerimaan SST dan dokumen kontrak.

6. Bayaran Kepada Syarikat Selepas SST Dikeluarkan Tetapi Sebelum Dokumen Kontrak Ditandatangani

6.1. Dengan pengeluaran SST tanpa bersyarat, suatu ikatan kontrak telah terwujud antara Kerajaan dengan syarikat yang ditawarkan. Sehubungan itu, bayaran boleh dibuat ke atas pembekalan/perkhidmatan/kerja yang telah selesai dilaksanakan oleh syarikat dan setelah Kerajaan berpuas hati dengan kerja/ pembekalan/perkhidmatan/kerja yang diterima, walaupun sebelum dokumen kontrak sempat ditandatangan. Namun demikian, bagi memastikan Agensi Kerajaan tidak mengabaikan keperluan untuk menyediakan dan memastikan dokumen kontrak ditandatangan dalam tempoh 4 bulan selepas SST ditandatangan balas oleh syarikat, kemudahan ini adalah hanya dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat seperti di Jadual 2 berikut :

Jadual 2

Kategori Perolehan	Kaedah Bayaran	Dokumen Yang Perlu Dikemukakan Kepada Pejabat Pembayaran	Pihak Melulus
Kerja	(a) Bayaran kemajuan sehingga 3 kali dalam tempoh 4 bulan pertama selepas keluarnya surat setuju terima dan sebelum kontrak formal ditandatangan. (b) Bayaran kemajuan yang seterusnya akan hanya dibuat selepas kontrak formal ditandatangan.	(a) SST yang telah ditandatangan dan dikembalikan; (b) Bon pelaksanaan telah dikemukakan; dan (c) Apa-apa syarat-syarat tambahan seperti polisi-polisi insurans sebagaimana yang dinyatakan dalam syarat-syarat kontrak telah dikemukakan.	(a) Pegawai Penguasa yang dinamakan dalam perjanjian kontrak atau pegawai lain yang diberi kuasa oleh Pegawai Penguasa (i) Setelah berpuas hati bahawa syarikat telah melaksanakan kerjanya dengan baik dan telah mencapai tahap kemajuan kerja yang setimpal seperti mana disyaratkan; dan (ii) Pegawai Penguasa bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan yang dibuat.

Kategori Perolehan	Kaedah Bayaran	Dokumen Yang Perlu Dikemukakan Kepada Pejabat Pembayaran	Pihak Melulus
Bekalan & Perkhidmatan Bukan Perunding	(a) Kemudahan ini adalah hanya terpakai bagi **kontrak bermasa** tertakluk kepada syarat-syarat berikut: (i) Tempoh kontrak melebihi 4 bulan dan ke atas; dan (ii) Bayaran berkala sehingga 3 kali dalam tempoh 4 bulan pertama selepas keluarnya surat setuju terima dan sebelum kontrak formal ditandatangan. (b) Bayaran berkala yang seterusnya akan hanya dibuat selepas kontrak formal ditandatangan.	(a) SST yang telah ditandatangan dan dikembalikan; (b) Bon pelaksanaan telah dikemukakan; dan (c) Apa-apa syarat-syarat tambahan seperti polisi-polisi insurans sebagaimana yang dinyatakan dalam syarat-syarat kontrak telah dikemukakan.	(a) Pegawai Pengawal atau pegawai lain yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal (i) Setelah beliau berpuas hati ke atas perkhidmatan/bekalan sebenar yang diterima daripada syarikat; dan (ii) Pegawai Pengawal bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan yang dibuat. (b) Pegawai Pengawal atau pegawai lain yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab memastikan semua perolehan bekalan dan perkhidmatan bermasa, kontrak formal hendaklah diadakan walaupun nilai perolehan kurang daripada RM50,000 selaras dengan AP176.1(c).

6.2. Walau pun kemudahan ini tidak dinyatakan secara bertulis di dalam format piawai SST, pegawai kewangan di agensi masing-masing adalah dibenarkan untuk memproses bayaran tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di atas.

7. Bayaran Kepada Syarikat Yang Telah Luput Pendaftarannya Dengan Kerajaan

7.1. Perolehan Kerja, Bekalan & Perkhidmatan (Tidak Termasuk Perunding) dan Kerja

7.1.1. Perenggan 4.19 dalam Peraturan Pendaftaran Syarikat Bekalan dan Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan memperuntukkan :

"syarikat hendaklah memastikan pendaftarannya dengan Kementerian Kewangan hendaklah berkuat kuasa sepanjang tempoh pelaksanaan projek/kajian dengan Agensi Kerajaan."

7.1.2. Seksyen 25 Akta CIDB 1994 pula memperuntukkan :

"Tiada seorang pun boleh menjalankan atau menyiapkan, mengaku janji untuk menjalankan atau menyiapkan mana-mana kerja pembinaan atau mengaku dirinya sebagai kontraktor, melainkan jika dia berdaftar dengan Lembaga dan memegang suatu perakuan pendaftaran yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah Akta ini."

7.1.3. Sehubungan itu, adalah menjadi kewajipan Agensi untuk memastikan sijil pendaftaran syarikat yang dilantik sama ada dengan Kementerian Kewangan mahupun dengan CIDB sentiasa aktif sepanjang tempoh projek dilaksanakan. Walau bagaimanapun, sekiranya sesebuah syarikat itu telah luput pendaftarannya dengan Kementerian Kewangan ataupun CIDB, ia tidak menjadikan sesebuah ikatan kontrak itu menjadi tidak sah. Oleh itu, pembayaran boleh diteruskan berdasarkan syarat-syarat kontrak.

7.1.4. Namun demikian, CIDB mempunyai bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 29 dan 30 Akta CIDB 1994 untuk mengambil tindakan seperti berikut:

"Penalti bagi menjalankan kerja pembinaan tanpa didaftarkan

Mana-mana orang yang melanggar subseksyen 25(1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit tetapi tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

Notis supaya menghentikan kerja pembinaan

Jika Lembaga mendapati bahawa kerja pembinaan sedang dijalankan atau telah disiapkan, atau telah diaku janji untuk dijalankan atau disiapkan oleh mana-mana orang yang tidak berdaftar dengan Lembaga di bawah Akta ini, Lembaga hendaklah melalui notis bertulis yang disampaikan kepada orang itu menghendaki orang itu untuk berhenti daripada memulakan atau meneruskan kerja pembinaan atau daripada mengaku janji untuk menjalankan atau menyiapkan kerja pembinaan itu, dengan atau tanpa syarat."

7.1.5. Kementerian Kewangan pula mempunyai bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah 1PP/PK 8 untuk mengambil tindakan ke atas syarikat bekalan dan perkhidmatan yang mempunyai kontrak semasa tetapi gagal membuat pembaharuan pendaftaran sebelum tamat tempoh pendaftarannya. Antara tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian Kewangan adalah mengeluarkan surat amaran, membatalkan kod bidang yang telah diluluskan kepada syarikat, menggantung pendaftaran, menyenaraihitamkan pemilik modal/ahli Lembaga Pengarah atau lain-lain.

7.1.6. Sekiranya pendaftaran syarikat dengan CIDB/Kementerian Kewangan telah menjadi luput setelah projek siap/kontrak tamat dan syarikat tiada lagi obligasi dengan Kerajaan serta Kerajaan telah berpuas hati ke atas pembekalan/perkhidmatan/ kerja yang diberikan, Agensi adalah dibenarkan untuk membuat bayaran setakat mana pembekalan/perkhidmatan/kerja yang

telah diterima tersebut tanpa perlu membuat pelanjutan tempoh kontrak.

8. SST Tanpa Dokumen Kontrak

8.1. **SST tanpa dokumen kontrak** adalah hanya dibenarkan **bagi perolehan bukan bermasa** untuk **bekalan dan perkhidmatan bukan perunding** bernilai **melebihi RM20,000 sehingga RM500,000** sahaja. Bagi tujuan ini, Agensi hendaklah menggunakan format piawai SST seperti di bawah:

Lampiran	Format SST Tanpa Dokumen Kontrak
Lampiran 13 (Bekalan)	SST Tanpa Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Bekalan
Lampiran 14 (Bekalan)	SST Tanpa Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Bekalan Yang Diberi Pengecualian Cukai Jualan Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018
Lampiran 15 (Bekalan)	SST Tanpa Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Bekalan Daripada Syarikat Yang Berdaftar Dengan JKDM Dan Barangan Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Jualan 2018
Lampiran 16 (Bekalan)	SST Tanpa Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Bekalan Daripada Syarikat Yang Tidak Berdaftar Dengan JKDM Dan Barangan Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Jualan 2018
Lampiran 17 (Perkhidmatan)	SST Tanpa Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Perkhidmatan
Lampiran 18 (Perkhidmatan)	SST Tanpa Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Perkhidmatan Dengan Syarikat Yang Berdaftar Dengan JKDM Dan Perkhidmatan Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018
Lampiran 19 (Perkhidmatan)	SST Tanpa Dokumen Kontrak Bagi Perolehan Perkhidmatan Dengan Syarikat Yang Tidak Berdaftar Dengan JKDM Dan Perkhidmatan Dikenakan Cukai Di Bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018

8.2. Syarat penting yang tidak dinyatakan dalam format piawai SST hendaklah dimasukkan dengan jelas ke dalam Dokumen Sebut Harga (Borang Q).

8.3. Namun begitu, bagi projek yang kompleks, Agensi masih boleh menyediakan dokumen kontrak terperinci demi menjaga kepentingan Kerajaan.

8.4. Oleh itu, AP 176.1 mengenai kontrak formal adalah dikecualikan bagi perenggan 8 di atas.

9. Penerangan Ringkas Mengenai Pengisian Format Piawai SST

9.1. Format SST bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan seperti di perenggan 3.2 serta perenggan 8.1 di atas adalah merupakan format piawai untuk digunakan oleh semua Agensi dalam mana-mana perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan sama ada sepenuhnya atau sebahagian.

9.2. Agensi hendaklah memastikan Kandungan Utama SST tidak boleh diubahsuai dan ditokok tambah dengan apa-apa syarat/perenggan selain daripada yang telah ditetapkan dalam format tersebut. Walau bagaimanapun, bagi mana-mana ayat/perenggan yang ditandakan dengan simbol bintang '*' boleh dipotong mengikut kesesuaian perolehan/projek.

9.3. "Butiran Kontrak" dalam Lampiran A di SST tersebut pula adalah merupakan maklumat terperinci berkaitan perolehan yang disetujuterima di antara Kerajaan dengan syarikat yang berjaya dan perlu diisi dengan lengkap oleh Agensi. Agensi tidak boleh menggugurkan mana-mana item yang tidak ditandakan dengan simbol bintang '*'. Walau bagaimanapun, Agensi boleh membuat penambahan item mengikut kesesuaian perolehan/projek sekiranya maklumat yang perlu dinyatakan masih tidak mencukupi tanpa menjejaskan maksud dalam kandungan utama SST.

9.4. **Perenggan 1 Dalam Kandungan Utama SST:**

*"Dengan ini dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju menerima tawaran *sebut harga/tender syarikat tuan dengan harga sebanyak Ringgit*

……..……
*(RM……) yang merupakan harga kontrak bagi tempoh kontrak selama …….. tertakluk kepada dokumen *sebut harga/tender yang menjadi sebahagian daripada perolehan ini dan Surat Setuju Terima ini berserta dengan **Lampiran A** kepada Surat Setuju Terima iaitu maklumat terperinci kontrak (selepas ini disebut sebagai "Surat ini")."*

9.4.1. Harga kontrak yang dinyatakan adalah harga yang telah dipersetujui bersama, iaitu harga yang ditawarkan oleh syarikat tanpa sebarang syarat untuk mengadakan rundingan harga atau pindaan ke atas tawaran asal syarikat.

9.4.2. Sekiranya masih terdapat keperluan untuk mengadakan rundingan ke atas tawaran asal syarikat atau terdapat sebarang pindaan yang perlu dibuat ke atas tawaran asal syarikat, Surat Niat hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu sebelum SST dikeluarkan oleh Kerajaan memandangkan telah wujudnya elemen *counter proposal*. SST hanya boleh dikeluarkan setelah kedua-dua pihak mencapai persetujuan ke atas harga kontrak yang akan dimeterai bersama.

9.4.3. Harga kontrak hendaklah meliputi harga sebut harga/tender yang telah dipersetujui bersama, percukaian (contohnya, cukai jualan/perkhidmatan, sekiranya berkaitan) dan lain-lain fi. Pecahan kepada Harga Kontrak hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam "Butiran Kontrak" di Lampiran A kepada SST tersebut di Item No. 4.

9.4.4. Tempoh kontrak hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam isi kandungan SST dan juga dalam “Butiran Kontrak” di Lampiran A kepada SST tersebut. Tarikh Mula dan Tamat Kontrak hendaklah turut dinyatakan dengan jelas dalam “Butiran Kontrak” selaras dengan tempoh kontrak yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang keraguan.

9.4.5. Dokumen pelawaan dan tawaran harga syarikat hendaklah disertakan bersama-bersama dengan SST untuk dijadikan sebahagian daripada ikatan kontrak. Agensi hendaklah memastikan bahawa maklumat dokumen tawaran harga syarikat tersebut hendaklah tidak bercanggah dengan isi kandungan SST dan “Butiran Kontrak” di Lampiran A kepada SST tersebut.

9.4.6. Sekiranya telah terdapat sebarang rundingan harga ke atas tawaran asal syarikat ataupun sebarang pindaan ke atas tawaran harga syarikat, Agensi hendaklah memastikan surat persetujuan syarikat ke atas rundingan atau pindaan tawaran asalnya hendaklah turut dikepilkan bersama dengan dokumen tawaran asal syarikat bersama-sama dengan SST tersebut bagi memastikan Harga Kontrak yang dinyatakan dalam SST boleh dibuktikan berdasarkan dokumen sokongan yang disertakan.

9.5. **Perenggan 2 Dalam Kandungan Utama SST:**

*“Dengan pengakuan penerimaan Surat ini, suatu kontrak yang mengikat terbentuk antara Kerajaan dengan syarikat tuan. Satu dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dengan kadar segera dengan memasukkan semua terma sebagaimana dokumen *sebut harga/tender serta semua terma dalam **Lampiran A**. Sehingga dokumen kontrak tersebut ditandatangani, Surat ini hendaklah terus mengikat kedua-dua pihak.”*

9.5.1. Untuk menjadikan sesuatu ikatan kontrak itu sah dan berkuat kuasa, tawaran dan penerimaan hendaklah disampaikan secara sempurna oleh kedua-dua pihak. Komunikasi boleh berlaku sama ada dalam bentuk tulisan, lisan, elektronik atau perbuatan. Walau bagaimanapun, bagi memastikan kepentingan Kerajaan adalah sentiasa terpelihara dan mengelakkan sebarang pertikaian di kemudian hari, penerimaan secara bertulis oleh Kerajaan melalui SST hendaklah dikeluarkan kepada syarikat bagi menunjukkan persetujuan Kerajaan ke atas tawaran syarikat tanpa syarat. Syarikat juga hendaklah turut menandatangani pengakuan penerimaan SST dalam tempoh yang ditetapkan sebagai indikator syarikat memahami obligasinya, keperluan untuk mengemukakan bon/insurans dalam tempoh yang ditetapkan dan tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan sekiranya berlakunya kemungkiran adalah sama ada denda, tolakan, *Liquidated Ascertained & Damages* (LAD) atau/dan penamatan.

9.5.2. Dengan pengakuan penerimaan SST tersebut secara bertulis, satu ikatan kontrak yang mengikat Kerajaan dengan syarikat yang berjaya akan terwujud.

9.5.3. Agensi diberi tempoh maksimum selama empat (4) bulan daripada tarikh SST ditandatangan balas oleh syarikat untuk menyediakan dokumen kontrak.

9.5.4. Bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja bukan bermasa sebagaimana ditetapkan dalam Jadual 2 di perenggan 4 di atas adalah diberi pengecualian daripada menyediakan dokumen kontrak. Namun begitu, bagi projek yang kompleks, Agensi boleh menyediakan dokumen kontrak terperinci demi menjaga kepentingan Kerajaan.

9.6. **Perenggan 3 Dalam Kandungan Utama SST Bagi Perolehan Yang Dikenakan Cukai Dan Syarikat Belum Berdaftar Dengan JKDM (Harga Kontrak Tanpa Kenaan Cukai Jualan/Perkhidmatan)**

"Harga kontrak adalah tidak termasuk peruntukan Kerajaan sebanyak ___% cukai jualan/perkhidmatan memandangkan syarikat tuan tidak berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Sekiranya syarikat tuan telah berdaftar dengan JKDM, tuan adalah dikehendaki untuk memaklumkan nombor pendaftaran dan tarikh kuat kuasanya kepada Kerajaan untuk pelarasan harga kontrak dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat kelulusan JKDM. Pembayaran cukai jualan/perkhidmatan ini adalah dikira berdasarkan tuntutan sebenar dan tarikh kuat kuasa pendaftaran cukai jualan/perkhidmatan syarikat tuan dengan JKDM."

9.6.1. Perenggan 3 di atas (harga kontrak tanpa kenaan cukai jualan/perkhidmatan) adalah terpakai bagi situasi berikut :

(a) Syarikat yang belum berdaftar dengan JKDM pada ketika SST dikeluarkan. Walau bagaimanapun, sekiranya sebaik sahaja SST dikeluarkan dan nilai kontrak yang disetujuterima mengakibatkan pembekalan barang/ perkhidmatan bercukai syarikat melebihi nilai ambang yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806] atau Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807], syarikat tersebut adalah dikehendaki untuk mendaftarkan syarikatnya dengan JKDM dengan kadar segera dan memaklumkan nombor pendaftarannya kepada Kerajaan dalam tempoh tujuh (7) hari untuk tujuan pelarasan harga kontrak. Namun demikian, sekiranya Agensi bercadang untuk mengeluarkan SST dengan kenaan cukai jualan/perkhidmatan terhadap syarikat tersebut, Surat Niat hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu bagi membolehkan syarikat membuat pendaftaran dengan JKDM dan memaklumkan maklumat kelulusan

pendaftarannya sebelum SST dikeluarkan dengan kenaan cukai jualan/perkhidmatan. SST dengan kenaan cukai jualan/perkhidmatan hendaklah dikeluarkan kepada syarikat hanya setelah tarikh pendaftarannya telah pun berkuat kuasa memandangkan syarikat tidak layak membuat kutipan cukai jualan/perkhidmatan sebelum tarikh kuat kuasa pendaftarannya; dan

(b) Syarikat yang telah berdaftar dengan JKDM pada ketika SST dikeluarkan tetapi masih tidak boleh membuat kutipan cukai jualan/perkhidmatan memandangkan tarikh pendaftarannya belum berkuat kuasa lagi. Walau bagaimanapun, sebaik sahaja ia berkuat kuasa, syarikat hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan dalam tempoh 7 hari untuk tujuan pelarasan harga kontrak.

9.7. **Perenggan 3 Dalam Kandungan Utama SST Bagi Perolehan Yang Dikenakan Cukai Dan Syarikat Berdaftar Dengan JKDM (Harga Kontrak Dengan Kenaan Cukai Jualan/Perkhidmatan)**

"Harga kontrak adalah termasuk peruntukan Kerajaan sebanyak _____% cukai jualan/perkhidmatan memandangkan barangan/perkhidmatan ini dikenakan cukai dan syarikat tuan telah berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Pembayaran cukai jualan/perkhidmatan ini adalah dikira berdasarkan tuntutan sebenar dan tarikh kuat kuasa pendaftaran syarikat tuan dengan JKDM."

9.7.1. Perenggan 3 di atas (harga kontrak dengan kenaan cukai jualan/perkhidmatan) adalah terpakai sekiranya syarikat yang akan dilantik telah berdaftar dengan JKDM dan tarikh pendaftarannya dengan JKDM telah atau akan berkuat kuasa pada ketika SST dikeluarkan.

9.8. **Perenggan 3 Dalam Kandungan Utama SST (Harga Kontrak Tanpa Kenaan Cukai Jualan) Disebabkan Telah Diberi Pengecualian Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) [P.U. (A) 210] 2018**

"Harga kontrak adalah tidak termasuk cukai jualan selaras dengan pengecualian yang diberikan di bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 yang dengannya Sijil Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 akan dikeluarkan sebelum sebarang pembayaran dibuat."

9.8.1. Perenggan 3 di atas adalah terpakai bagi syarikat yang telah diberi pelepasan oleh JKDM daripada dikenakan cukai jualan ke atas barang yang diperoleh selaras dengan Perintah Cukai Jualan (*Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai*) 2018.

9.9. **Perenggan 4 Dalam Kandungan Utama SST:**

*"Adalah dimaklumkan bahawa tiada pembekalan barang boleh dibuat **melainkan** jika syarikat tuan telah mengemukakan kepada Kerajaan dokumen-dokumen berikut:*

**(a) suatu bon pelaksanaan yang tidak boleh dibatalkan yang berjumlah Ringgit ……(RM……...);*

**(b) suatu polisi insurans yang tidak boleh dibatalkan yang berjumlah Ringgit …… (RM……..) dan resit premium;*

**(c) Nombor Kod Majikan di bawah Skim PERKESO dan/atau Polisi Pampasan Pekerja,*

*seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran A** tidak melebihi *14/30 hari dari tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggungan terhadap syarikat tuan **melainkan jika** penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi bekalan barang yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam."*

9.9.1. Perenggan 4 di atas menjelaskan bahawa walaupun SST ini merupakan satu ikatan kontrak antara kedua-dua pihak, Agensi tidak boleh mengeluarkan arahan kepada syarikat untuk memulakan pembekalan barang/perkhidmatan sehingga bon pelaksanaan, insurans, nombor kod majikan di bawah skim PERKESO dan/atau polisi pampasan pekerja dikemukakan oleh syarikat kepada Kerajaan dalam tempoh yang ditetapkan. Agensi diberi pilihan untuk sama ada menetapkan 14 hari atau 30 hari bagi dokumen-dokumen tersebut oleh syarikat kepada Kerajaan. Sekiranya syarikat tidak mengemukakan bon pelaksanaan, insurans, nombor kod majikan di bawah skim PERKESO dan/atau polisi pampasan pekerja tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, ia boleh mengakibatkan SST tersebut terbatal dengan sendirinya.

9.9.2. Walau bagaimanapun, bagi situasi yang memerlukan pembekalan barang/perkhidmatan yang segera atau serta-merta yang mana kelewatan akan memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam, pengecualian bertulis ke atas perenggan 4 dalam kandungan utama SST boleh diberikan kepada syarikat untuk mengemukakan bon pelaksanaan, insurans, nombor kod majikan di bawah skim PERKESO dan/atau polisi pampasan

pekerja lewat dari tempoh asal yang ditetapkan sekiranya terdapat permohonan bertulis daripada syarikat. Pengecualian bertulis bagi **mengemukakan dokumen tersebut lewat dari tempoh asal** yang ditetapkan hendaklah **tidak melebihi 60 hari.** Pengecualian ini hendaklah dikeluarkan oleh pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani kontrak di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949 atau Pegawai Pengawal bagi membolehkan pembekalan barang/perkhidmatan dimulakan dan pegawai tersebut adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan yang dibuat.

9.9.3. Bagi perolehan yang bernilai kurang daripada RM200,000, pengemukaan bon pelaksanaan adalah tidak diperlukan, maka perenggan 4(a) dalam kandungan utama SST boleh digugurkan. Begitu juga dengan perenggan 4(b) dalam kandungan utama SST berkaitan insurans ataupun perenggan 4(c) dalam kandungan utama SST berkaitan nombor kod majikan boleh digugurkan sekiranya ia tidak berkaitan. Sekiranya ketiga-tiga dokumen tersebut adalah tidak diperlukan, Agensi dibenarkan untuk menggugurkan terus perenggan 4 dalam kandungan SST tersebut.

9.10. **Perenggan 5 Dalam Kandungan Utama SST:**

*"Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh Kerajaan, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan pembekalan barang dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti bekalan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan pembekalan barang dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, Kerajaan berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Denda/ Tolakan/ Liquidated & Ascertained Damages (LAD) seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran A**."*

9.10.1. Perenggan ini menerangkan bahawa sebaik sahaja arahan dikeluarkan oleh Agensi untuk memulakan pembekalan/perkhidmatan, syarikat hendaklah melaksanakannya mengikut jadual dan spesifikasi yang telah ditetapkan. Sebarang kegagalan syarikat dalam mematuhi perkara tersebut (lewat/gagal/kurang kualiti atau lain-lain) boleh mengakibatkan tindakan diambil ke atas syarikat. Tindakan yang boleh diambil oleh Agensi setelah SST dikeluarkan walaupun dengan ketiadaan dokumen kontrak atau dokumen kontrak belum ditandatangan lagi adalah pengenaan LAD, Denda atau Tolakan mengikut formula yang ditetapkan oleh Agensi di Butiran Kontrak di Lampiran A dalam SST tersebut.

9.10.2. Seksyen 56 dan 75 dalam Akta Kontrak 1950 menetapkan seperti berikut :

"Seksyen 56:

(1) Bila suatu pihak kepada suatu kontrak berjanji untuk melakukan suatu perkara tertentu pada atau sebelum suatu masa yang ditetapkan atau untuk melakukan perkara-perkara yang tertentu pada atau sebelum masa-masa yang ditetapkan, dan mungkir melakukan mana-mana perkara sedemikian pada atau sebelum masa yang ditetapkan itu, maka kontrak itu, atas setakat mana yang belum dilaksanakan, menjadi bolehbatal di atas opsyen penerima-janji, jika niat pihak-pihak kontrak itu adalah bahawa masa hendaklah menjadi teras kontrak itu.

(2) Kalaulah bukan menjadi niat pihak-pihak kontrak bahawa masa hendaklah menjadi teras kontrak itu, maka kontrak itu tidaklah menjadi bolehbatal oleh kemungkiran melakukan perkara sedemikian pada atau sebelum masa yang ditetapkan itu; tetapi penerima-janji itu berhak menerima pampasan daripada pembuat-janji untuk sebarang kerugian yang menimpanya oleh sebab kemungkiran itu.

(3) Sekiranya dalam suatu kontrak bolehbatal yang disebabkan oleh kemungkiran pembuat-janji melaksanakan janjinya pada masa yang dipersetujui, kalau penerima-janji itu menerima pelaksanaan janji yang sedemikian pada bila-bila masa selain daripada masa yang dipersetujui itu, maka penerima-janji itu tidak dapat menuntut pampasan untuk sebarang kerugian yang disebabkan oleh ketiadaan pelaksanaan janji itu pada masa yang dipersetujui. Melainkan, pada masa penerimaan itu, dia memberi notis kepada pembuat-janji akan niatnya untuk melakukan sedemikian.

Seksyen 75:

(1) Bila suatu kontrak telah dipecahkan, jika suatu jumlah telah disebutkan dalam kontrak itu sebagai jumlah yang mesti dibayar jika berlaku pemecahan janji sedemikian, atau jika kontrak itu mengandungi apa-apa penetapan yang lain secara penalti, maka pihak yang mengadu tentang pemecahan itu berhak sama ada kerosakan sebenarnya ataupun kerugian yang disebabkan olehnya telah dibuktikan atau tidak, mendapat daripada pihak yang telah memecahkan kontrak itu pampasan yang munasabah yang tidak melebihi jumlah yang disebutkan itu, atau mengikut mana yang berkenaan, penalti yang telah ditetapkan untuknya."

9.10.3. Bagi menuntut ganti rugi ke atas kemungkiran syarikat dalam melaksanakan obligasinya dalam kontrak, Agensi boleh membuat tuntutan kerugian (*compensation*) tersebut melalui kenaan LAD/denda/tolakan yang mana kaedah/formula pengiraan hendaklah ditetapkan oleh Agensi mengikut kesesuaian dan kerumitan pelbagai projek dan dinyatakan secara jelas dalam SST. Jika syarikat gagal memenuhi obligasi kontrak, denda/ganti rugi hendaklah dituntut daripada syarikat. Jika syarikat gagal membayarnya, denda/ganti rugi hendaklah dituntut daripada bayaran kemajuan atau daripada sebarang baki bayaran yang syarikat berhak menerima. Sekiranya ini tidak dapat dilaksanakan juga, tuntutan hendaklah dibuat daripada bon pelaksanaan. **Agensi juga adalah disarankan untuk memasukkan perkara ini dalam Arahan Penyebut Harga/Petender semasa pelawaan dibuat bagi memastikan penyebut harga/petender memahami syarat tersebut dengan jelas dan selain itu, dokumen pelawaan akan turut menjadi sebahagian daripada SST.**

(a) Contoh Denda Bagi Kontrak Bekalan Dan Perkhidmatan

Bil	Kontrak	Jenis Denda
1.	Bekalan (cth: peralatan akademik, peralatan sukan, alat ganti ICT, *toner* pencetak, kertas A4, dll)	• Jika syarikat lewat menyerahkan peralatan dalam tempoh masa yang ditetapkan, Kerajaan boleh menerima peralatan tersebut dan mengenakan bayaran berdenda kepada syarikat mengikut formula berikut : $\frac{V\ (T + D)}{T} \times 5\%$ V: Nilai harga peralatan yang lewat dibekalkan; T: Tempoh bekalan mengikut kontrak dalam hari; dan D: Bilangan hari yang lewat.
2.	Bekalan (cth: peralatan akademik, peralatan sukan, alat ganti ICT, *toner* pencetak, kertas A4, dll)	• Setelah penerimaan peralatan sempurna dan didapati peralatan rendah kualiti daripada spesifikasi, Kerajaan boleh meminta syarikat menggantikan peralatan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh Kerajaan. • Kerajaan akan mengenakan denda sebanyak 1% daripada harga peralatan itu pada setiap 7 hari bekerja kelewatan tetapi tidak melebihi 5% daripada harga peralatan tersebut.
3.	Bekalan (bahan mentah, basah dan kering)	• Bagi barang-barang makanan yang tidak diserahkan setelah dipesan, Kerajaan berhak membeli daripada punca lain dan syarikat hendaklah membayar kos perbelanjaan memperolehi barang-barang makanan yang lebih daripada harga di dalam Perjanjian ini dan Kerajaan juga boleh mengenakan denda sebanyak 10% dari nilai barang-barang makanan yang dipesan itu atau RM500 mengikut mana yang kurang.
3.	Perkhidmatan (cth: sewaan peralatan ICT)	• Jika syarikat lewat menyerahkan peralatan dalam tempoh masa yang ditetapkan, Kerajaan boleh menerima peralatan tersebut dan mengenakan bayaran berdenda kepada syarikat sehingga peralatan tersebut sedia untuk digunakan di premis yang ditentukan oleh Kerajaan seperti formula denda berikut: A x B x C x 1% A : Nilai sewaan peralatan sebulan. B : Bilangan hari yang lewat. C : Bilangan peralatan.

Bil	Kontrak	Jenis Denda
4.	Perkhidmatan (cth: sewaan peralatan ICT)	• Setelah penerimaan peralatan sempurna dalam tempoh sewaan, Kerajaan berhak mengenakan denda sebanyak 1% daripada nilai Sewa Peralatan bagi setiap satu hari Kerajaan tidak dapat menggunakan peralatan untuk tujuan disewa.

(b) Contoh LAD bagi Kontrak Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja

Bil	Kontrak	Jenis Denda
1.	Bekalan dan Perkhidmatan ICT	• Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan bekalan/ perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada Kerajaan dengan menggunakan formula berikut: (BLR + 1%) x (Nilai Kontrak / 365) x (bilangan hari lewat)
2.	Kerja	• Peratusan LAD = PR setahun /365 hari • Di mana: PR setahun = *'Prime Rate'* yang dikeluarkan oleh mana-mana bank perdagangan. • Contoh Perkiraan: - PR = katakan 10.0% setahun - Peratusan denda ganti rugi : 10% / 365 hari = 0.0273% sehari - kadar LAD sehari = (0.0273% x nilai kontrak)

(c) Contoh Tolakan bagi Kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan

Bil	Jenis Denda	Formula
1.	Syarikat gagal menempatkan Pengawal Keselamatan di premis pada satu-satu masa	Kadar Hari Sejam x Bil. Pengawal Tidak Hadir x Bil. Hari / Jam Ketiadaan Pengawal Keselamatan
2.	Pengawal Keselamatan tidak menjalankan rondaan dan *clocking* (termasuk kelewatan melaksanakan rondaan dan *clocking*) di tempat-tempat yang telah ditetapkan di bawah Perjanjian	Bil. Kegagalan * x (20% x Kadar Hari Sejam) *Bil. Kegagalan = Bil. *Clocking* Rondaan x Kekerapan Rondaan

9.11. **Perenggan 6 Dalam Kandungan Utama SST:**

"Syarikat tuan juga adalah dikehendaki melaksanakan program Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan berdasarkan harga kontrak dengan bilangan minimum peserta PROTÉGÉ seramai .....orang tanpa sebarang kos kepada Kerajaan. Bilangan minimum peserta yang diperlukan hendaklah dikira berdasarkan formula di bawah:

$$\frac{1\% \text{ X Harga Kontrak}}{RM24,000^*}$$

**Elaun PROTÉGÉ (RM2,000 seorang x 12 bulan)*

9.11.1. Perenggan ini mensyaratkan agar syarikat yang mendapat kontrak Kerajaan bernilai mencapai atau melebihi nilai ambang seperti di bawah 1PP/PK1.2, hendaklah melaksanakan program PROTÉGÉ. **Penentuan bilangan minimum peserta PROTÉGÉ adalah melalui formula di atas berdasarkan ketetapan berikut**:

(a) 1% : Sebanyak 1% daripada nilai kontrak perolehan wajib diperuntukkan untuk program PROTÉGÉ.

(b) Harga Kontrak (bagi pengiraan PROTÉGÉ sahaja) :

(i) <u>Perolehan Bekalan/Perkhidmatan/ Perunding</u>
Harga kontrak. Jika harga kontrak terdapat elemen percukaian, pengiraan adalah tidak termasuk cukai.

(ii) <u>Perolehan Kerja bagi Kontraktor Utama</u>
Harga kerja pembina. Jika harga kontrak terdapat elemen percukaian, pengiraan adalah tidak termasuk cukai.

(iii) <u>Perolehan Kerja bagi Wang Kos Prima dan Wang Peruntukan Sementara</u>
Harga kontrak. Jika harga kontrak terdapat elemen percukaian, pengiraan adalah tidak termasuk cukai.

(c) Elaun PROTÉGÉ : Elaun PROTÉGÉ sebanyak RM2,000 sebulan atau kadar elaun bulanan yang ditentukan oleh pihak Seketariat PROTÉGÉ.

ATAU

"Syarikat tuan juga adalah digalakkan melaksanakan program Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan."

9.11.2. Perolehan di bawah nilai ambang harga kontrak adalah digalakkan untuk melaksanakan program PROTÉGÉ seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

9.12. **Perenggan 7 Dalam Kandungan Utama SST:**

"Bagi tujuan program PROTÉGÉ ini, syarikat tuan adalah dikehendaki untuk:

(a) mengemukakan Jadual Pelaksanaan Program PROTÉGÉ berdasarkan tempoh kontrak kepada Sekretariat PROTÉGÉ untuk kelulusan dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan;

(b) melaksanakan program ini mengikut Jadual Pelaksanaan Program PROTÉGÉ yang diluluskan oleh Sekretariat PROTÉGÉ;

(c) mengemaskini maklumat berkaitan pengalaman syarikat melaksanakan program PROTÉGÉ dalam sistem ePerolehan di Kementerian Kewangan atau sistem di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), mengikut mana yang berkaitan;

*(d) menandatangani dan mengembalikan Surat Akuan Pembida Untuk Melaksanakan Program Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs seperti di **Lampiran B** bersama dengan Surat ini;*

(e) mengemukakan sijil atau surat pengesahan oleh Sekretariat PROTÉGÉ kepada Agensi sebaik sahaja pelaksanaan program PROTÉGÉ selesai; dan

(f) mengemukakan laporan berkaitan pelaksanaan program PROTÉGÉ kepada Sekretariat PROTÉGÉ.

9.12.1. Perenggan ini berkehendakkan syarikat untuk melaksanakan beberapa tindakan sepertimana dinyatakan di atas bagi memastikan pelaksanaan ke atas PROTÉGÉ oleh syarikat dapat dibuat pemantauan sewajarnya oleh Sekretariat PROTÉGÉ.

9.12.2. Perenggan ini juga masih terpakai jika perenggan 9.11.2 digunakan.

9.13. Perenggan 8 Dalam Kandungan Utama SST:

"Sekiranya syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 6 dan 7 atau arahan oleh Kerajaan, Kerajaan berhak untuk tidak mempertimbangkan sebarang tawaran kontrak baharu atau pelanjutan kontrak pada masa hadapan kepada syarikat tuan."

9.13.1. Perenggan ini memberi hak kepada Kerajaan untuk tidak memberi tawaran kontrak baharu atau kelulusan lanjutan kontrak kepada syarikat yang tidak melaksanakan program PROTÉGÉ berdasarkan kehendak Kerajaan, terutamanya yang wajib melaksanakannya berdasarkan bilangan minimum peserta PROTÉGÉ dan nilai ambang harga kontrak.

9.13.2. Perenggan ini tidak terpakai jika klausa di perenggan 9.11.2 dimasukkan dan boleh digugurkan.

9.14. Perenggan 9 Dalam Kandungan Utama SST:

"Tuan adalah diingatkan bahawa Kerajaan berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:.."

9.14.1. Perenggan ini memberi hak kepada Kerajaan untuk menamatkan perkhidmatan syarikat dengan Kerajaan walaupun dengan ketiadaan dokumen kontrak atau dokumen kontrak belum ditandatangan lagi.

9.14.2. Lazimnya apabila Kerajaan memutuskan untuk menamatkan perkhidmatan syarikat, prosedur penamatan akan dilaksanakan berdasarkan tatacara yang dinyatakan dalam dokumen kontrak. Walau bagaimanapun, sekiranya dokumen kontrak tidak disediakan atau belum lagi ditandatangan, ia tidak bermaksud Kerajaan tidak berhak atau tidak boleh menamatkan perkhidmatan dengan syarikat.

9.11.1. Bagi memastikan proses penamatan dilaksanakan dengan teratur, Agensi disarankan untuk memasukkan prosedur penamatan di dalam Arahan Kepada Penyebut Harga/ Petender semasa pelawaan dibuat memandangkan dokumen pelawaan akan turut dijadikan sebahagian daripada SST. Contoh prosedur penamatan secara amnya adalah seperti di **Lampiran 21**.

9.15. Perenggan 10 Dalam Kandungan Utama SST:

"Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 9, Kerajaan tidak akan bertanggungan terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan."

9.15.1. Perenggan ini menjelaskan bahawa sekiranya penamatan telah dibuat oleh Kerajaan ke atas syarikat, syarikat tidak berhak

membuat sebarang tuntutan kerugian atau ganti rugi termasuk kerugian masa hadapan.

9.15.2. Walau bagaimanapun, bagi kes penamatan yang disebabkan pelanggaran kontrak, Kerajaan berhak melaksanakan perkara berikut:

(a) Merampas sepenuhnya atau sebahagian bon pelaksanaan. Bagi penentuan sama ada rampasan bon pelaksanaan hendaklah dibuat sepenuhnya atau sebahagian termasuk pelepasan bon/baki bon pelaksanaan, Agensi hendaklah membawa perkara ini ke CCP Kementerian masing-masing untuk keputusan;

(b) Menyiapkan pembekalan barang/perkhidmatan sama ada secara sendiri atau pun melalui pelantikan syarikat lain. Bagi pelantikan syarikat baharu, Agensi adalah tertakluk kepada tatacara perolehan yang sedang berkuat kuasa; dan

(c) Membuat tuntutan ke atas syarikat bagi sebarang kerugian, kos, perbelanjaan dan ganti rugi yang terlibat akibat daripada penamatan kontrak tersebut.

9.16. Perenggan 11 Dalam Kandungan Utama SST:

*"Bersama-bersama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dan Surat Akuan Sumpah Syarikat seperti di **Lampiran B** dan **Lampiran C** untuk ditandatangani oleh syarikat tuan dan dikembalikan bersama-sama dengan Surat ini."*

9.16.1. Agensi hendaklah memastikan lampiran berkaitan Surat Akuan Pembida Berjaya dan Surat Akuan Sumpah disertakan bersama SST untuk ditandatangan oleh syarikat dan dikembalikan bersama-sama dengan SST kepada Kerajaan. Surat Akuan Sumpah hendaklah ditandatangani dan mendapat pengesahan daripada Pesuruhjaya Sumpah.

9.17. Perenggan 12 Dalam Kandungan Utama SST:

*"Surat ini dihantar kepada syarikat tuan dalam tiga (3) salinan. Sila kembalikan ke pejabat ini salinan asal dan kedua berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat tuan dan saksi syarikat tuan tidak melebihi *3/7/14 hari dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa jua bertanggungan terhadap syarikat tuan."*

9.17.1. Agensi hendaklah memastikan SST dikemukakan kepada syarikat sama ada secara pos berdaftar atau serahan tangan dalam 3 salinan yang lengkap dengan lampiran-lampiran yang berkaitan dan setiap muka surat SST termasuk muka surat di Butiran Kontrak di Lampiran A dalam SST diturunkan tandatangan ringkas oleh pegawai Agensi yang diturunkan kuasa di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949.

9.17.2. Agensi juga hendaklah memastikan syarikat mengembalikan salinan asal dan salinan kedua SST yang telah lengkap diisi dan ditandatangan di Bahagian Pengakuan Penerimaan dan Surat Akuan Pembida Berjaya dalam tempoh tidak melebihi 3 hari atau 7 hari atau 14 hari. Agensi hendaklah membuat pilihan ke atas tempoh syarikat perlu mengembalikan SST kepada Agensi.

9.17.3. Sekiranya syarikat tidak mengemukakan maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan dan setelah Agensi memberi peringatan kepada syarikat tetapi masih gagal untuk mengemukakan maklum balas, boleh mengakibatkan SST tersebut terbatal dengan sendirinya.

9.17.4. Syarikat juga hendaklah menurunkan tandatangan ringkas di setiap muka surat SST termasuk lampiran yang berkaitan oleh pegawai yang dibenarkan oleh syarikat.

9.18. Pengakuan Penerimaan SST Dan Lampiran Yang Berkaitan Oleh Syarikat:

*"Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah ..... bertarikh ..... dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah pun disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung dalam dokumen *sebut harga/tender dan Surat ini telah dikenakan."*

9.18.1. Agensi hendaklah memastikan bahawa syarikat mengembalikan salinan asal dan kedua SST kepada Agensi dalam tempoh yang ditetapkan dengan melengkapkan dan menandatangani bahagian ini bagi memastikan syarikat mengambil maklum secara rasmi ke atas pelantikan oleh Kerajaan dan syarat-syarat yang ditetapkan bagi projek berkenaan.

9.18.2. Agensi hendaklah memastikan bahawa pegawai syarikat yang akan menandatangani SST tersebut adalah merupakan pegawai yang dibenarkan oleh syarikatnya untuk menurunkan tandatangan ke atas dokumen kontrak bagi pihak syarikat.

Agensi turut perlu memastikan bahawa saksi yang akan menandatangani ruangan ini adalah merupakan kakitangan syarikat yang sama dan bukannya daripada pihak-pihak lain selain daripada syarikat tersebut.

9.18.3. Agensi hendaklah memastikan syarikat telah mengembalikan salinan asal dan kedua SST kepada Agensi bersama-sama dengan Surat Akuan Sumpah bebas daripada sebarang tindakan undang-undang seperti muflis, jenayah dan tatatertib oleh mana-mana badan kawal selia.

9.19. Butiran Kontrak Di Lampiran A Dalam SST :

Bagi membolehkan Agensi melengkapkan maklumat di dalam ruangan ini, Agensi hendaklah meminta maklumat syarikat yang dikehendaki di dalam dokumen pelawaan.

9.19.1. **Pendaftaran Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan)**

(a) Sekiranya syarikat yang dilantik agensi merupakan syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Agensi hendaklah melengkapkan maklumat seperti nombor dan tempoh sah laku pendaftaran syarikat/koperasi tersebut.

(b) Item ini tidak boleh digugurkan, walau bagaimanapun, sekiranya ia tidak berkaitan, Agensi tidak perlu mengisi butiran di item tersebut.

9.19.2. **Pendaftaran Dengan Kementerian Kewangan (jika berkaitan)**

(a) Sekiranya syarikat yang dilantik agensi adalah merupakan syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, Agensi hendaklah melengkapkan maklumat seperti nombor dan tempoh sah laku pendaftaran syarikat, kod bidang yang didaftarkan berkaitan dengan projek tersebut, taraf syarikat sama ada bumiputera/bukan bumiputera dan tempoh sah laku taraf bumiputera tersebut sekiranya ia adalah syarikat bumiputera.

(b) Item ini tidak boleh digugurkan, walau bagaimanapun, sekiranya ia tidak berkaitan, Agensi tidak perlu mengisi butiran di item tersebut.

9.19.3. **Pendaftaran Dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**

(a) Sekiranya syarikat yang dilantik agensi adalah merupakan syarikat yang berdaftar dengan CIDB, Agensi hendaklah melengkapkan maklumat seperti nombor dan tempoh sah laku pendaftaran CIDB syarikat, gred, kategori dan pengkhususan yang didaftarkan berkaitan dengan projek tersebut, taraf syarikat sama ada bumiputera/bukan bumiputera dan tempoh sah laku taraf bumiputera tersebut sekiranya ia adalah syarikat bumiputera.

(b) Item ini tidak boleh digugurkan, walau bagaimanapun, sekiranya ia tidak berkaitan, Agensi tidak perlu mengisi butiran di item tersebut.

9.19.4. **Pendaftaran Cukai Jualan/Perkhidmatan Dengan JKDM**

(a) Sekiranya syarikat yang dilantik agensi adalah merupakan syarikat yang berdaftar dengan JKDM, Agensi hendaklah melengkapkan maklumat seperti nombor pendaftaran dan tarikh kuat kuasa syarikat boleh mengenakan cukai jualan/perkhidmatan.

(b) Item ini tidak boleh digugurkan, walau bagaimanapun, sekiranya ia tidak berkaitan, Agensi tidak perlu mengisi butiran di item tersebut.

9.19.5. **Harga Dan Tempoh Kontrak**

(a) Agensi hendaklah memastikan bahawa maklumat berkaitan harga kontrak dan tempoh kontrak dilengkapkan.

(b) Agensi hendaklah memastikan Harga Kontrak telah termasuk semua kos yang berkaitan iaitu kos percukaian dan lain-lain.

(c) Agensi hendaklah menyediakan Lampiran yang berasingan bagi memperincikan pecahan kos kepada Harga Kontrak yang telah dipersetujui tersebut.

(d) Item ini tidak boleh digugurkan. Walau bagaimanapun, bagi sub item yang tidak berkaitan, agensi tidak perlu mengisi sub item tersebut.

(e) Agensi adalah dibenarkan untuk membuat penambahan sub item lain yang berkaitan dengan item ini (sekiranya perlu).

9.19.6. **Tempoh dan Jadual Pembekalan Barang/ Penyempurnaan Perkhidmatan**

(a) Item ini adalah merupakan obligasi syarikat yang ditetapkan oleh Kerajaan. Agensi hendaklah menyediakan lampiran yang berasingan bagi memperincikan Tempoh dan Jadual Pembekalan Barang/ Perkhidmatan mengikut kesesuaian projek. Contoh Jadual Pembekalan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Beruniform Tanpa Senjata Api adalah seperti di **Lampiran 22**.

(b) Item ini tidak boleh digugurkan. Agensi adalah dibenarkan untuk membuat penambahan sub item lain yang berkaitan di bawah item ini (sekiranya perlu).

9.19.7. **Spesifikasi/Skop Perkhidmatan/ *Service Level Agreement* (SLA) (sekiranya berkaitan)**

(a) Item ini adalah merupakan obligasi syarikat yang ditetapkan oleh Kerajaan. Agensi hendaklah menyediakan lampiran yang berasingan bagi memperincikan skop perkhidmatan syarikat mengikut kesesuaian projek. Contoh skop perkhidmatan bagi perkhidmatan kawalan keselamatan adalah seperti di **Lampiran 23**.

(b) Item ini tidak boleh digugurkan. Agensi adalah dibenarkan untuk membuat penambahan sub item lain yang berkaitan di bawah item ini (sekiranya perlu).

9.19.8. **Bon Pelaksanaan**

(a) Bon Pelaksanaan adalah suatu aku janji tidak bersyarat oleh sesuatu institusi kewangan yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan untuk membayar kepada Kerajaan suatu amaun tertentu atas tuntutan Kerajaan sekiranya syarikat tidak atau gagal mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak.

(b) Bon Pelaksanaan hanya dikenakan bagi semua kontrak bermasa dan *one-off* yang bernilai melebihi RM200,000. Manakala bagi kontrak bernilai RM200,000 dan ke bawah tidak dikenakan syarat Bon Pelaksanaan.

(c) Item ini boleh digugurkan dalam SST sekiranya ia tidak berkaitan (contohnya, bagi perolehan yang bernilai RM200,000 dan ke bawah).

(d) Agensi hendaklah memastikan Bon Pelaksanaan dikemukakan dalam Ringgit Malaysia. Agensi juga hendaklah memastikan syarikat yang dilantik mendapatkan Bon Pelaksanaan dalam bentuk seperti berikut:

(i) Jaminan Bank/Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank/syarikat kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;

(ii) Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] yang beroperasi di Malaysia;

(iii) Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;

(iv) Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] yang beroperasi di Malaysia; atau

(v) Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Bank).

(e) Bon pelaksanaan dalam bentuk yang tidak dilesenkan di bawah akta seperti dalam perenggan 9.19.7(d) di atas termasuk Bank Pesisir Pantai dan Bank Luar Negara adalah tidak dibenarkan.

(f) **Bon Pelaksanaan Bagi Kontrak Bekalan/ Perkhidmatan**

(i) Bagi kontrak bekalan dan perkhidmatan, syarikat hendaklah mengemukakan bersama-sama dengan SST, Bon Pelaksanaan yang nilainya adalah seperti berikut:

(1) 2.5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak yang bernilai kurang RM500,000;

(2) 5% daripada jumlah harga kontrak yang bernilai melebihi RM500,000; dan

(3) Bagi kontrak bermasa yang berkuat kuasa dalam tempoh 2 tahun atau lebih, peratus dan pengiraan hendaklah dikira mengikut anggaran kontrak setahun sahaja. Walau bagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh syarikat hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa. Contoh adalah seperti berikut:

Kontrak *One-off*

Nilai Perolehan	Kadar Bon Pelaksanaan
Melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00	2.5% daripada jumlah harga kontrak
Melebihi RM500,000.00	5% daripada jumlah harga kontrak

Kontrak Bermasa

Nilai Perolehan	Kadar Bon Pelaksanaan
Sehingga RM500,000.00 setahun	2.5% daripada jumlah harga kontrak
Melebihi RM500,000.00 setahun	5% daripada jumlah harga kontrak

CONTOH 1 (Bekalan/Perkhidmatan)

Nilai Kontrak	RM4.5 juta
Tempoh Kontrak	3 tahun
Kadar Bon	5% (berdasarkan anggaran nilai satu tahun RM1.5 juta)
Nilai Bon	RM1.5 juta x 5% = RM75,000.00

CONTOH 2 (Bekalan/Perkhidmatan)

Nilai Kontrak	RM800,000.00
Tempoh Kontrak	2 tahun
Kadar Bon	2.5% (berdasarkan anggaran nilai satu tahun RM400,000.00)
Nilai Bon	RM400,000.00 x 2.5% = RM10,000.00 (bukan RM800,000 X 5% = RM40,000 atau RM400,000 X 5% = RM20,000)

CONTOH 3 (Bekalan/Perkhidmatan)

Nilai Kontrak	RM300,000.00
Tempoh Kontrak	2 tahun
Kadar Bon	2.5% (berdasarkan anggaran nilai satu tahun RM150,000.00)
Nilai Bon	RM150,000.00 x 2.5% = RM3,750.00

(ii) Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam bentuk seperti di perenggan 9.19.7(d).

(iii) Semua Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans/ Jaminan Bank Islam/ Jaminan Takaful untuk bon pelaksanaan bagi perolehan bekalan/perkhidmatan hendaklah menggunakan format dan kandungan seperti di **Lampiran 24**.

(iv) Tempoh sah laku jaminan bagi Bon Pelaksanaan bagi perolehan bekalan atau perkhidmatan hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.

(v) Bon Pelaksanaan boleh dilepaskan setelah segala obligasi kontrak selesai. Surat Pelepasan (*Letter of Discharge*) bagi Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Bank Islam/Jaminan Insurans/ Jaminan Takaful seperti di **Lampiran 25** hendaklah dikemukakan kepada Bank/Syarikat Kewangan/Bank Islam/Syarikat Insurans/ Syarikat Takaful. Surat pelepasan hendaklah ditandatangan oleh pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949. Bon Pelaksanaan asal hendaklah dikemukakan kepada bank, manakala salinan Bon Pelaksanaan yang telah disahkan oleh Kerajaan hendaklah disimpan oleh Agensi sebagai rekod.

(vi) Bagi perkhidmatan dan barang guna habis (*consumable item*), bon pelaksanaan boleh dilepaskan lebih awal oleh Pegawai Pengawal atau pegawai yang menandatangani kontrak sekiranya berpuas hati segala obligasi kontrak selesai dan tiada sebarang tuntutan yang akan dibuat.

(g) **Bon Pelaksanaan Bagi Kontrak Kerja**

(i) Bagi kontrak kerja yang bernilai melebihi RM200,000, kontraktor hendaklah mengemukakan bersama-sama dengan SST, Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada jumlah harga kontrak.

(ii) Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam bentuk seperti di perenggan 9.19.7(d) atau kontraktor boleh memilih kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan.

(iii) Semua Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans/ Jaminan Bank Islam/ Jaminan Takaful untuk Bon Pelaksanaan bagi perolehan kerja hendaklah menggunakan format dan kandungan seperti di **Lampiran 26** (bagi projek bernilai sehingga RM10 juta) atau **Lampiran 27** (bagi projek bernilai melebihi RM10 juta).

(iv) Bagi kerja yang dilaksanakan oleh sub kontraktor dinamakan (*nominated subcontractor* - NSC), NSC hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan kepada kontraktor utama dengan menggunakan format seperti di **Lampiran 28**.

(v) Wang Jaminan Pelaksanaan ialah satu kemudahan bagi memenuhi keperluan Bon Pelaksanaan. Wang Jaminan Pelaksanaan bermaksud sejumlah wang yang dipegang oleh Kerajaan bagi memastikan kontraktor mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak yang ditandatangan.

(vi) Jumlah Wang Jaminan Pelaksanaan adalah lima peratus (5%) daripada harga keseluruhan kontrak. Kemudahan ini hanya dibenarkan kepada kontraktor kerja tempatan sahaja. Walau bagaimanapun, Wang Jaminan Pelaksanaan tidak dibenarkan untuk Sub Kontraktor Dinamakan bagi Kerja.

(vii) Sekiranya kontraktor gagal mengemukakan Bon Pelaksanaan pada tarikh milik tapak, secara automatik kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan akan diguna pakai.

(viii) Kontraktor yang memilih/dikenakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan akan dikenakan potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada bayaran kemajuan pertama dan seterusnya sehingga ia mencapai jumlah lima peratus (5%) daripada nilai keseluruhan kontrak.

(ix) Wang Jaminan Pelaksanaan yang dipotong daripada bayaran kemajuan hendaklah dimasukkan ke dalam akaun deposit yang dinamakan Wang Jaminan Pelaksanaan (Kod 79507). Satu akaun subsidiari dan senarai lengkap kontraktor berkenaan yang menunjukkan butiran terperinci setiap potongan Wang Jaminan Pelaksanaan dan baki bulanan dan tahunan hendaklah diselenggarakan secara teratur dan kemas kini.

(x) Walau bagaimanapun, pada bila-bila masa di sepanjang pelaksanaan projek tersebut, kontraktor boleh mengemukakan Bon Pelaksanaan dan Agensi berkenaan boleh memulangkan Wang Jaminan Pelaksanaan yang ditahan.

(xi) Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan bagi perolehan kerja adalah berdasarkan nilai projek seperti berikut:

Nilai Projek	Tempoh Sah Laku Bon Pelaksanaan
Kos Projek sehingga RM10 Juta	• Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP). • Format dan kandungan seperti di **Lampiran 26.**
Kos Projek melebihi RM10 Juta	• Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 24 bulan selepas Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP). • Format dan kandungan seperti di **Lampiran 27.**

(xii) Jika berlaku kelewatan dalam penyiapan projek, tindakan serta-merta hendaklah diambil oleh agensi untuk memastikan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan dilanjutkan, tidak kira sama ada Kerajaan mengenakan ganti rugi tertentu atau ganti rugi ditetapkan atau lanjutan masa diluluskan.

(xiii) Sekiranya syarikat menggunakan Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Bank Islam/Jaminan Insurans/Jaminan Takaful, Agensi boleh mengurangkan nilai Bon Pelaksanaan yang asal sebanyak lima puluh peratus (50%) sebaik sahaja Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

(xiv) Agensi dikehendaki memaklumkan secara bertulis tentang perkara ini dan kontraktor berkenaan hendaklah menggantikan Jaminan yang asal dengan Jaminan baru yang nilainya bersamaan dengan lima puluh peratus (50%) dari Jaminan asal.

(xv) Setelah Jaminan baru ini diterima, Agensi hendaklah melepaskan Bon Pelaksanaan yang asal kepada kontraktor berkenaan.

(xvi) Sekiranya syarikat dikenakan Wang Jaminan Pelaksanaan, Agensi boleh memulangkan sebanyak lima puluh peratus (50%) daripada nilai Wang Jaminan Pelaksanaan yang ditahan setelah Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

(xvii) Baki Wang Jaminan Pelaksanaan sebanyak lima puluh peratus (50%) lagi boleh dipulangkan sekiranya kontraktor dapat mengemukakan Jaminan seperti di perenggan 9.19.7(d) yang sama nilai dengan Wang Jaminan Pelaksanaan yang ditahan.

(xviii) Baki Bon Pelaksanaan boleh dilepaskan atau dipulangkan selepas Perakuan Muktamad dikeluarkan. Walau bagaimanapun, baki bon Pelaksanaan boleh dilepaskan lebih awal iaitu setelah Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan dan agensi berpuas hati segala obligasi kontraktor di bawah kontrak termasuk apa-apa potongan yang mana Kerajaan berhak telah selesai. Agensi bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan untuk melepaskan baki Bon Pelaksanaan lebih awal.

(h) **Bon Pelaksanaan Bagi Kontrak Antarabangsa**

(i) Kontraktor adalah dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank dalam mata wang yang ditetapkan bagi harga Kontrak daripada bank yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia. Format seperti di **Lampiran 24**, **Lampiran 26** atau **Lampiran 27** hendaklah digunakan mengikut mana yang berkaitan.

(ii) Setelah segala obligasi kontrak selesai, surat pelepasan (*Letter of Discharge*) bagi Jaminan Bank seperti di **Lampiran 25** hendaklah dikemukakan kepada bank. Salinan asal atau satu salinan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan hendaklah disimpan oleh Agensi sebagai rekod.

(i) Semua Agensi hendaklah menyemak dengan bank/syarikat kewangan/bank Islam/syarikat insurans/syarikat takaful yang berkenaan tentang kesahihan Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh

syarikat dengan menggunakan format seperti di **Lampiran 29** dan **Lampiran 30**. Kegagalan pegawai untuk berbuat demikian, boleh mengakibatkan pegawai tersebut dikenakan tindakan tatatertib/surcaj.

(j) Sekiranya terdapat kes pemalsuan Bon Pelaksanaan, Agensi hendaklah membuat laporan polis supaya tindakan dapat diambil ke atas syarikat disebabkan kes pemalsuan sedemikian adalah merupakan kes jenayah dan dengan segera turut melaporkannya kepada Kementerian Kewangan dan CIDB untuk tindakan senarai hitam.

9.19.9. **Polisi Insurans**

(a) Agensi hendaklah memastikan Syarikat telah mengemukakan kepada Kerajaan polisi insurans yang tidak boleh dibatalkan (sekiranya ada) sebelum membekalkan barang atau memulakan perkhidmatan.

(b) Item ini boleh digugurkan, sekiranya ia tidak berkaitan.

(c) Agensi adalah dibenarkan untuk membuat penambahan sub item lain yang berkaitan di bawah item ini (sekiranya perlu).

9.19.10. **Kenaan Denda/ Tolakan/ *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD)**

(a) Sila rujuk perenggan 9.10 di atas untuk penjelasan lanjut berkaitan perkara ini.

(b) Item ini tidak boleh digugurkan. Walau bagaimanapun, bagi sub item yang tidak berkaitan, agensi tidak perlu mengisi sub item tersebut.

(c) Agensi adalah dibenarkan untuk membuat penambahan sub item lain yang berkaitan di bawah item ini (sekiranya perlu).

9.19.11. ***Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) (jika berkaitan)**

(a) Item ini hanya terpakai bagi perolehan yang telah melebihi had nilai untuk pelaksanaan Program PROTÉGÉ.

(b) Formula pengiraan bilangan minimum peserta PROTÉGÉ bagi syarikat yang terlibat adalah seperti di Butiran Kontrak di Lampiran A dalam SST.

10. Tandatangan Ringkas Di Setiap Muka Surat SST Dan Muka Surat Butiran Kontrak

10.1. Agensi hendaklah memastikan setiap muka surat di SST dan muka surat di Butiran Kontrak di Lampiran A dalam SST diturunkan tandatangan ringkas oleh pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949 dan juga oleh pegawai syarikat yang mempunyai kuasa untuk menandatangani dokumen kontrak bagi pihak syarikatnya. Ini adalah bertujuan untuk memastikan tiada muka surat yang boleh diubahsuai tanpa kebenaran kedua-dua pihak.

11. Pembatalan Surat Setuju Terima

11.1. Sekiranya syarikat gagal mengemukakan dan mematuhi syarat yang telah ditetapkan dalam tempoh yang dinyatakan dalam SST, Agensi boleh membatalkan SST tersebut dengan syarat syarikat belum memulakan bekalan/perkhidmatan. Sebelum pembatalan SST, Agensi hendaklah memberi surat peringatan kepada syarikat supaya mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan dalam SST dalam tempoh yang munasabah.

11.2. Setelah peringatan dikeluarkan tetapi syarikat masih gagal mematuhi perkara yang dinyatakan dengan jelas melalui perenggan tertentu dalam SST, Agensi boleh membatalkan SST tersebut melalui Notis Pembatalan Surat Setuju Terima seperti format di **Lampiran 31.**

12. Tarikh Kuat kuasa

12.1. Peraturan ini berkuat kuasa mulai **1 September 2017**.

LAMPIRAN

No. *Sebut Harga/Tender/Kontrak : ……*No. Sebut Harga/ Tender/ Kontrak……

LAMPIRAN 1
(Versi Bahasa Malaysia)

SURAT SETUJU TERIMA
(Bagi *Sebut Harga/Tender Bekalan)
Untuk Perolehan Daripada **Pembekal**

Rujukan Kami : ……Rujukan Agensi……
Tarikh : ……Tarikh……

……Nama Syarikat……
……Alamat Syarikat……
……

Tuan,

***Sebut Harga /Tender Untuk : ……Tajuk *Sebut Harga/Tender……**
No. *Sebut Harga/ Tender/ Kontrak : ……No. *Sebut Harga/ Tender/ Kontrak……

Dengan ini dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju menerima tawaran *sebut harga/tender syarikat tuan dengan harga sebanyak Ringgit ……Harga kontrak dalam perkataan…… (RM……Harga kontrak dalam angka……) yang merupakan harga kontrak bagi tempoh kontrak selama ……Hari/Minggu/Bulan/Tahun…… tertakluk kepada dokumen *sebut harga/tender yang menjadi sebahagian daripada perolehan ini dan Surat Setuju Terima ini berserta dengan ***Lampiran A*** kepada Surat Setuju Terima iaitu maklumat terperinci kontrak (selepas ini disebut sebagai "Surat ini").

2. Dengan pengakuan penerimaan Surat ini, suatu kontrak yang mengikat terbentuk antara Kerajaan dengan syarikat tuan. Satu dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dengan kadar segera dengan memasukkan semua terma sebagaimana dokumen *sebut harga/tender serta semua terma dalam ***Lampiran A***. Sehingga dokumen kontrak tersebut ditandatangani, Surat ini hendaklah terus mengikat kedua-dua pihak.

3. Adalah dimaklumkan bahawa tiada pembekalan barang boleh dibuat **melainkan** jika syarikat tuan telah mengemukakan kepada Kerajaan dokumen-dokumen berikut:

*(a) suatu bon pelaksanaan yang tidak boleh dibatalkan yang berjumlah Ringgit ……Nilai bon dalam perkataan……(RM……Nilai bon dalam angka……);
Bon Pelaksanaan hanya dikenakan kepada perolehan yang bernilai RM200,000 dan ke atas sahaja.

*(b) suatu polisi insurans yang tidak boleh dibatalkan yang berjumlah Ringgit ……Nilai polisi dalam perkataan…… (RM……Nilai polisi dalam angka……) dan resit premium;

*(c) Nombor Kod Majikan di bawah Skim PERKESO dan/atau Polisi Pampasan Pekerja,

seperti yang ditetapkan dalam ***Lampiran A*** tidak melebihi *14/30 hari dari tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggungan terhadap syarikat tuan **melainkan jika** penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi bekalan barang yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

4. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh Kerajaan, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan pembekalan barang dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti bekalan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan pembekalan barang dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, Kerajaan berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Denda/ Tolakan/ *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) seperti yang ditetapkan dalam ***Lampiran A***.

Tandatangan & Cop (Kerajaan) : ……
Tandatangan & Cop (Syarikat) : ……

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

No. *Sebut Harga/Tender/Kontrak : .....*No. Sebut Harga/ Tender/ Kontrak

*5. Syarikat tuan juga adalah dikehendaki melaksanakan program *Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan berdasarkan harga kontrak dengan bilangan minimum peserta PROTÉGÉ sebanyak .....Bil. minimum peserta.....orang tanpa sebarang kos kepada Kerajaan. Bilangan minimum peserta yang diperlukan hendaklah dikira berdasarkan formula di bawah:

$$\frac{1\% \text{ X Harga Kontrak*}}{\text{RM24,000**}}$$

*Bagi tujuan pengiraan PROTÉGÉ, Harga Kontrak adalah nilai tawaran yang dipersetujui
**Elaun PROTÉGÉ (RM2,000 seorang x 12 bulan)

Perenggan ini terpakai sekiranya Harga Kontrak **melebihi nilai ambang** dan syarikat dikehendaki untuk melaksanakan Program PROTÉGÉ berdasarkan 1PP/PK

*5. Syarikat tuan juga adalah digalakkan melaksanakan program *Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Perenggan ini terpakai sekiranya Harga Kontrak **di bawah nilai ambang** dan syarikat digalakkan untuk melaksanakan Program PROTÉGÉ berdasarkan 1PP/PK

6. Bagi tujuan program PROTÉGÉ ini, syarikat tuan adalah dikehendaki untuk:

(a) mengemukakan Jadual Pelaksanaan Program PROTÉGÉ berdasarkan tempoh kontrak kepada Sekretariat PROTÉGÉ untuk kelulusan dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan;

(b) melaksanakan program ini mengikut Jadual Pelaksanaan Program PROTÉGÉ yang diluluskan oleh Sekretariat PROTÉGÉ;

(c) mengemaskini maklumat berkaitan pengalaman syarikat melaksanakan program PROTÉGÉ dalam sistem ePerolehan di Kementerian Kewangan atau sistem di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), mengikut mana yang berkaitan;

(d) mengemukakan sijil atau surat pengesahan oleh Sekretariat PROTÉGÉ kepada Agensi sebaik sahaja pelaksanaan program PROTÉGÉ selesai; dan

(e) mengemukakan laporan berkaitan pelaksanaan program PROTÉGÉ kepada Sekretariat PROTÉGÉ.

*7. Sekiranya syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 5 dan 6 atau arahan oleh Kerajaan, Kerajaan berhak untuk tidak mempertimbangkan sebarang tawaran kontrak baharu atau pelanjutan kontrak pada masa hadapan kepada syarikat tuan.

Perenggan ini terpakai sekiranya Harga Kontrak melebihi nilai ambang dan syarikat dikehendaki untuk melaksanakan Program PROTÉGÉ berdasarkan 1PP/PK 1.2. Bagi Harga Kontrak di bawah nilai ambang, perenggan ini hendaklah dipotong.

8. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa Kerajaan berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

(a) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 4 dalam tempoh masa yang ditetapkan;

(b) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;

(c) syarikat tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;

Tandatangan & Cop (Kerajaan) : .....
Tandatangan & Cop (Syarikat) : .....

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

No. *Sebut Harga/Tender/Kontrak : .....*No. Sebut Harga/ Tender/ Kontrak

(d) syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;

(e) syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani;

(f) syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya pembekalan barang tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu;

(g) syarikat tuan gagal membekalkan barang/menyempurnakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan seperti di ***Lampiran A***;

(h) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen *sebut harga/tender;

(i) syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;

(j) syarikat tuan digulungkan;

(k) syarikat tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;

(l) syarikat tuan gagal mematuhi spesifikasi pembekalan yang ditetapkan;

(m) syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa;atau

(n) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

9. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 8, Kerajaan tidak akan bertanggungan terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.

10. Bersama-sama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dan Surat Akuan Sumpah Syarikat seperti di ***Lampiran B*** dan ***Lampiran C*** untuk ditandatangani oleh syarikat tuan dan dikembalikan bersama-sama dengan Surat ini.

11. Surat ini dihantar kepada syarikat tuan dalam tiga (3) salinan. Sila kembalikan ke pejabat ini salinan asal dan kedua berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat tuan dan saksi syarikat tuan tidak melebihi *3/7/14 hari dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa jua bertanggungan terhadap syarikat tuan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

Tandatangan Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak

.....
(Nama Penuh Pegawai)
Jawatan Pegawai

Tandatangan & Cop (Kerajaan) : .....
Tandatangan & Cop (Syarikat) : .....

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

No. *Sebut Harga/Tender/Kontrak : ……*No. Sebut Harga/ Tender/ Kontrak

PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN YANG BERKAITAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah .....Rujukan Agensi..... bertarikh .....Tarikh SST ditandatangani oleh Menteri..... dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah pun disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung dalam dokumen *sebut harga/tender dan Surat ini telah dikenakan.

Tandatangan Syarikat
……..
Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
Tarikh :

Tandatangan Saksi Syarikat
……
Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
Tarikh :

Meterai atau Cop Syarikat

**potong mana yang tidak berkenaan*

Tandatangan & Cop (Kerajaan) : ……
Tandatangan & Cop (Syarikat) : ……

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

No. *Sebut Harga/Tender/Kontrak : .....*No. Sebut Harga/ Tender/ Kontrak

Lampiran A

BUTIRAN KONTRAK

.....Tajuk *Sebut Harga/Tender.....

1. **Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Pendaftaran Koperasi Dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan)**

1.1 No. Pendaftaran	:	.....Nombor pendaftaran.....
1.2 Tempoh Sah Laku	:	.....Tempoh sah laku sijil pendaftaran.....

2. **Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berdaftar)**

2.1 No. Pendaftaran	:	.....Nombor pendaftaran.....
2.2 Tempoh Sah Laku	:	.....Tempoh sah laku sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.....
2.3 Kod Bidang	:	.....Kod bidang yang berkaitan untuk *sebut harga/tender ini.....
2.4 Taraf Syarikat	:	.....Bumiputera/ Bukan Bumiputera.....
2.5 Tempoh Sah Laku Taraf Bumiputera	:	.....Tempoh sah laku taraf Bumiputera.....

3. **Harga dan Tempoh Kontrak**

3.1 Harga *Sebut Harga/Tender (butiran harga seperti di ***Lampiran A1***)	:	RM.....Harga *Sebut Harga/Tender yang telah disetuju terima..... Lampiran A1 adalah merupakan borang dalam dokumen tender/sebut harga dengan harga yang ditandatangani oleh syarikat.
3.2 Fi Perkhidmatan ePerolehan (sekiranya berkaitan)	:	*0.4% / 0.8% Fi eP termasuk dalam harga tawaran
3.3 Harga Kontrak	:	RM .....Harga *Sebut Harga/Tender.....
3.4 Tempoh Kontrak	:	.....Hari/Minggu/Bulan/Tahun.....
3.5 Tarikh Mula Kontrak	:	.....DD/MM/YYYY.....
3.6 Tarikh Tamat Kontrak	:	.....DD/MM/YYYY.....

4. **Tempoh dan Jadual Pembekalan Barang**

*Senarai item, kuantiti dan/atau tempoh serta jadual pembekalan yang ditetapkan seperti di ***Lampiran A2***

Lampiran A2 *adalah untuk menyatakan tempoh atau jadual pembekalan mengikut tawaran syarikat dan disediakan oleh Agensi*

Tandatangan & Cop (Kerajaan) : .....
Tandatangan & Cop (Syarikat) : .....

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

No. *Sebut Harga/Tender/Kontrak : ……*No. Sebut Harga/ Tender/ Kontrak

5. **Spesifikasi Pembekalan *(sekiranya berkaitan)***

*Spesifikasi pembekalan yang ditetapkan seperti di ***Lampiran A3***

Lampiran A3 akan disediakan oleh Agensi

6. ***Bon Pelaksanaan**

6.1	Kadar Bon Pelaksanaan	:	……Peratusan……
6.2	Formula Bon Pelaksanaan	:	……Formula……
6.3	Nilai Bon Pelaksanaan	:	……Dalam angka……
6.4	Bentuk Bon Pelaksanaan	:	Jaminan Bank/ Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad; atau Jaminan Syarikat Kewangan; atau Jaminan Insurans/ Takaful
6.5	Tempoh Sah Laku	:	Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau tarikh obligasi terakhir mengikut mana yang terkemudian.

Mengikut format yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti di ***Lampiran A4***

Lampiran A4 akan disediakan oleh Agensi berdasarkan format 1PP/PK4

7. ***Polisi Insurans (jika berkaitan)**

7.1	Nilai Polisi	:	RM……Nilai dalam angka……
7.2	Tempoh Perlindungan	:	Meliputi tempoh kontrak

8. **Kenaan *Denda/ Tolakan/ *Liquidated & Ascertained Damages (LAD)***

(Lewat/Gagal bekal barang atau tidak menepati spesifikasi)

8.1	Formula	:	……Formula ditentukan sendiri oleh Agensi. Tetapi hendaklah dinyatakan secara *upfront* kepada syarikat dalam dokumen pelawaan.……

9. ***Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) (jika berkaitan)**

(Bagi perolehan yang telah melebihi nilai ambang berdasarkan 1PP/PK1.2)

9.1	Tertakluk kepada pelaksanaan Program PROTÉGÉ	:	Ya / Tidak (Berdasarkan nilai ambang yang ditetapkan dalam 1PP/PK1)
9.2	Bilangan minimum peserta PROTÉGÉ	:	..... peserta

Formula:

$$\frac{1\% \times \text{Harga Kontrak}^*}{\text{RM24,000}^{**}}$$

*Bagi tujuan pengiraan PROTÉGÉ, Harga Kontrak adalah nilai tawaran yang dipersetujui

**Elaun PROTÉGÉ (RM2,000 seorang x 12 bulan)

**potong mana yang tidak berkenaan*

Tandatangan & Cop (Kerajaan) : ……

Tandatangan & Cop (Syarikat) : ……

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

Salinan Kepada:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bahagian Perolehan Kerajaan
Aras 4, Blok Utara, Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 PUTRAJAYA
(u.p. : Ketua Seksyen Dasar Perolehan)

Ketua Pegawai Eksekutif
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Menara Hasil
Aras 18, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 CYBERJAYA
(u.p.: Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai)

Professional Training & Education For Growing Entrepreneurs (Protege)
Aras 2, Blok E4/5, Parcel E
Kementerian Pembangunan Usahawan
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668, PUTRAJAYA
(u.p. : Ketua Sekretariat PROTÉGÉ)

Tandatangan & Cop (Kerajaan) : ……
Tandatangan & Cop (Syarikat) : ……

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

Lampiran B

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA
(Tajuk dan Nombor Rujukan *Sebut Harga/Tender)

Saya, ...nombor K.P. ..... yang mewakili ..... (nama syarikat)..... nombor pendaftaran (*MOF/CIDB/SSM) ..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam ..... atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam *sebut harga/tender seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam .....(nama kementerian/agensi)..... atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan *sebut harga/tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi *sebut harga/tender di atas; atau
2.2 penamatan kontrak bagi *sebut harga/tender di atas; dan
2.3 lain-lain tindakan mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan *sebut harga/tender seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan:
i) * Potong mana yang tidak berkenaan
ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

Tandatangan & Cop (Kerajaan) : ……
Tandatangan & Cop (Syarikat) : ……

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

Lampiran C

SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT

Saya…… nombor kad pengenalan ……..
yang mewakili syarikat …….. nombor pendaftaran…….
(*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

